

PERANCANG KELUARGA DALAM KOMUNITI MELAYU

(PARIT SETONGKAT, MUAR, JOHOR)

LATIHAN ILMIAH

BAGI MEMENUHI SEBAHAGIAN

DARIPADA SYARAT-SYARAT UNTUK

IJAZAH SARJANA MUDA SASTERA

DALAM ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

PERPUSTAKAAN
JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

OLEH

NOMBOR MATRIK 19576.

JABATAN ANTROPOLOGI DAN SOSIOLOGI

UNIVERSITI MALAYA

KUALA LUMPUR

OKTOBER 1974.

Untuk

Ibu

dan

Saudara-Saudaraku

yang dikasihi.

SINOPSIS

Kajian ilmiah ini adalah satu pengkajian keatas aspek sosial perancang keluarga didalam sebuah komuniti Melayu. Kajian ini dibuat di-komuniti Parit Setongkat, Muar, Johor, iaitu 2 batu jauhnya dari Muar.

Susunan isi kandungan kajian ilmiah ini adalah saperti berikut:

- BAB I : Ini adalah bab pendahuluan dimana diterangkan tentang tujuan kajian, cara-cara bagaimana penyelidikan dijalankan dan latar-belakang tempat yang dikaji.
- BAB II: Disini diteruskan dengan sejarah perkembangan perancang keluarga dari zaman pra-sejarah hingga zaman sejarah dalam masyarakat-masyarakat manusia yang terdapat dipermukaan dunia ini, khususnya masyarakat Melayu diMalaysia.
- BAB III:Berikutnya dibincangkan mengenai faktor-faktor yang mempengaruhi orang-orang Melayu dalam penerimaan perancang keluarga. Seterusnya dibincangkan cara-cara yang digunakan oleh orang-orang Melayu dalam merancang keluarga mereka baik cara tradisional maupun cara moden. Bahagian ini adalah merupakan hasil-hasil yang didapati dari kajian yang dibuat.
- BAB IV: Dalam bab ini diteruskan perbincangan mengenai hasil-hasil kajian iaitu tentang sikap orang-orang Melayu ini terhadap cara-cara perancang keluarga moden.
- BAB V: Dibentangkan selanjutnya perancang keluarga dilihat dari segi agama Islam.
- BAB VI: Sebagai pematik, kajian ilmiah ini diakhiri dengan rumusan-rumusan mengenai kedudukan perancang keluarga ini dalam masyarakat Melayu dan cadangan-cadangan diberikan untuk mengatasi masalah-masalah penerimaan perancang keluarga.

	KANDUNGAN	halaman
SINOPSIS	iii
KANDUNGAN	iv
SUSUNAN JADUAL-JADUAL DAN LAMPIRAN	vi
PENGHARGAAN	vii
BAB I: PENDAHULUAN	I
A. Tujuan dan bidang kajian	1
B. Metodoloji	3
C. Masalah penyelidikan	5
D. Tempat kajian	6
E. Definisi-definisi	7
BAB II: SEJARAH PERKEMBANGAN PERANCANG KELUARGA	9
A. Perancang keluarga dalam masyarakat tradisional	9
B. Perancang keluarga moden	12
C. Perancang keluarga moden di Malaysia	13
BAB III: PERANCANG KELUARGA TRADISIONAL DAN MODEN DALAM KOMUNITI MELAYU	17
A. Cara-cara tradisional	18
B. Faktor-faktor yang mempengaruhi penerimaan	23
C. Penerimaan dan penggunaan perancang keluarga secara moden	30
BAB IV: SIKAP ORANG-ORANG MELAYU TERHADAP CARA-CARA PERANCANG KELUARGA MODEN	34
A. Isteri-isteri yang tidak merancang	34
B. Bidan kampung	37
C. Isteri-isteri yang merancang keluarga	39

SISYUHAN JAJUAL-JAJUAL DAN LAMPIRAN		halaman
BAB V: ISLAM DAN PERANCANG KELUARGA	45
A. Pandangan Islam secara 'am keluarga dan sals keluarga	45
B. Pandangan Mazhab-Mazhab besar	49
C. Islam dan pengguguran	51
D. Islam dan sterilisasi	52
E. Pendirian Islam	52
F. Pendirian agama-agama lain	54
G. Perancang keluarga dalam negara-negara		
Islam	55
BAB VI: PENUTUP	56
A. Taraf kemajuan perancang keluarga		
setakat ini	56
B. Rumusan	57
C. Kelemahan kajian ini	60
D. Cadangan-cadangan	60

Jadual 1 : Cara-cara perancang keluarga dan saiz keluarga
mengikut taraf pelajaran. 24

Jadual 11 : Cara-cara perancang keluarga dan saiz keluarga
mengikut pendapatan bulanan suami penerima. 27

Jadual 111 : Bilangan penerima yang menggunakan cara-cara
modern yang terdapat sekarang. 30

LAMPIRAN A1: Peta daerah Muar. 62

LAMPIRAN A2: Peta bandar Maharani Muar menunjukkan letaknya
komuniti Parit Setongkat, iaitu tempat kajian. 63

LAMPIRAN B : Questionnaire. 64

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur,

6 November 1976.

No. Matrik 19576.

PENGHARGAAN

Penghargaan saya yang tidak terkira kepada penyelia saya Encik Mohd. Fauzi bin Hj. Yaakob yang telah menasihatkan dan memberi teguran- teguran yang membina dalam menyediakan kajian ilmiah ini. Tidak lupa juga saya mengucapkan terima kasih kepada penyelia sebelumnya Puan Lee Ai Yun dengan kerjasama beliau didalam membantu saya didalam menjalankan fieldwork dikomuniti Parit Setongkat, Muar, Johor.

Kepada penduduk-penduduk komuniti Parit Setongkat, saya ucapkan berbanyak-banyak terima kasih atas kesudian mereka untuk memberi keterangan-keterangan yang diperlukan, terutama bidan kampung Puan Rafeah yang telah banyak menolong saya dalam memberikan keterangan-keterangan mengenai cara-cara tradisional yang digunakan oleh orang-orang Melayu pada masa dahulu.

Ribuan terima kasih juga saya ucapkan kepada jururawat-jururawat bertugas diklinik perancang keluarga di Rumahsakit Besar Muar atas kesudian mereka dalam menyumbangkan beberapa kenyataan untuk kajian ilmiah saya ini berkenaan dengan perancang keluarga secara moden.

Universiti Malaya,

Kuala Lumpur,

6 November, 1974.

No. Matrik 19576.

1. Mengikut Laporan Persekitaran Persekitaran-Persekitaran Perancang Keluarga, Malaysia, mengenai soal-jawab berkaitan dengan Perancang Keluarga.
2. Mengikut Kandungannya Malaysia tahun: 1971-1975, Jabatan Perdana Menteri, 1971.
3. DR. A. KIRLO-DAFTARINJONG, Perancangan Kelahiran dan Lain-lain Hal Yang Ada Berkaitan Dengan Masalah Ini (Penerbitan Republik Indonesia, Jakarta, 1979), s. 6.

BAB I

PENDAHULUAN

Pada masa sekarang, boleh dikatakan kebanyakan negara didunia ini telah menggalakkan rakyatnya mengamalkan perancang keluarga. Ini disebabkan oleh masaalah kelebihan penduduk yang dihadapi oleh dunia. Selain daripada ini ianya juga bertujuan untuk memperbaiki keadaan kesihatan sebuah keluarga. Perancang keluarga moden dimulakan kira-kira 50 tahun dahulu dinegeri-negeri Barat apabila doktor-doktor dan ahli-ahli kebajikan sedar bahawa ramai ibu-ibu dan anak-anak kecil telah mati apabila ibu-ibu terlalu kerap melahirkan anak.¹

Dinegara kita Malaysia, juga tidak ketinggalan dengan rancangan ini. Pada hari ini rancangan perancang keluarga telah bergerak dengan lancarnya diseluruh negara. Salah satu daripada matlamat utama rancangan ini ialah untuk mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk dan Rancangan Perancang keluarga Malaysia menganggarkan untuk mengurangkan kadar pertumbuhan penduduk sekarang dinegara ini dari 3% kepada 2% pada tahun 1985².

A. Tujuan dan Bidang Kajian.

Perkara perancang keluarga ini bukanlah merupakan suatu perkara yang baru bagi manusia yang hidup dipermukaan bumi ini. Daripada berbagai catitan lama, kita dapati cara pencegahan kehamilan telah ada sejak 2000 tahun dahulu³. Dari zaman dahulu manusia telah mencuba menentukan saiz keluarga mereka. Antara berbagai bangsa yang telah mempraktikkan perancang keluarga ini termasuklah orang-orang Melayu yang beragama Islam. Tetapi cara yang pernah mereka amalkan adalah cara-cara mereka sendiri, kerana perancang keluarga secara moden hanya baru diperkenalkan kira-kira 20 tahun yang lalu iaitu dalam tahun-tahun 1950an.

-
1. Mengikut lapuran Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancang Keluarga, Malaysia, mengenai soal-jawab berkaitan dengan Perancang Keluarga.
 2. Mengikut Rancangan Malaysia kedua: 1971-1975, Jabatan Perdana Menteri, 1971.
 3. DR. A. SENO-SASTROAMIDJOJO, Pembatasan Kelahiran Dan Lain-Lain Hal Yang Ada Sangkut Paut Dengan Masaalah Itu; (Pertjetakan Republik Indonesia, Jokjakarta, 1959), m.s. 6.

Kajian ini merupakan tinjauan keatas aspek sosial perancang keluarga dalam komuniti Melayu. Tujuan Kajian ini ialah:

1. Untuk melihat bagaimanakah perancang keluarga ini dipraktikkan dalam komuniti Melayu sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan kepada mereka.
2. Setelah perancang keluarga secara moden diperkenalkan kepada mereka, apakah reaksi orang-orang Melayu terhadapnya; penulis cuba melihat akan faktor-faktor yang menghalang atau menggalakkan orang-orang ini dalam menerima perancang keluarga. Kepada mereka yang menerima perancang keluarga cara moden ini, penulis mahu melihat cara-cara apakah yang paling digemari ramai.
3. Akhir sekali penulis ingin meninjau sikap orang-orang Melayu terhadap cara-cara moden perancang keluarga.

Dalam melihat tujuan-tujuan ini, penulis telah cuba mencari keterangan-keterangan mengenai kepercayaan-kepercayaan dan pantang larang orang Melayu dalam soal melahirkan anak, kerana kepercayaan-kepercayaan dan pantang larang ini ada kaitan dengan bagaimana mereka mengamalkan perancang keluarga secara tradisional.

Sebelum penulis membicarakan mengenai penerimaan orang ramai terhadap perancang keluarga secara moden ini, penulis telah cuba mendapatkan sedikit gambaran tentang bagaimana perkembangan perancang keluarga dari zaman pra-sejarah hingga ke zaman sejarah dunia ini amnya dan dalam negara kita khususnya. Ini dianggap penting kerana dengan mengetahui kedudukan perancang keluarga dari segi sejarah, tentu sekali kita dapat memahami dengan lebih jelas lagi akan gambaran tentang penerimaan orang ramai terhadapnya.

Disamping ini, penulis juga telah meninjau secara keseluruhan tentang saiz keluarga orang-orang Melayu dalam komuniti ini berhubung dengan sikap mereka terhadap perancang keluarga. Disini penulis cuba merangkumkan orang-orang yang mengamalkan perancang keluarga secara moden dan mereka-mereka yang mengamalkan perancang keluarga secara tradisional juga sebagai orang-orang yang merancang keluarga. Penulis telah berbuat

begini kerana jika ditinjau cara-cara moden sahaja sudah tentu mereka yang menggunakan cara-cara tradisional tidak termasuk, sedangkan ramai orang-orang Melayu merancang keluarga mereka dengan cara-cara tradisional. Selepas itu dilihat pula akan faktor-faktor yang mempunyai pengaruh dalam menentukan siapakah orang-orang yang menerima perancang keluarga dan cara jenis apakah yang mereka gunakan, samaada cara tradisional atau cara moden. Faktor-faktor yang dilihat disini ialah faktor taraf pelajaran, faktor tingkat pendapatan bulanan suami penerima dan faktor sosial. Bagi mereka-mereka yang mengamalkan cara-cara moden, penulis telah melihat cara-cara apakah yang paling digemari ramai dan mengapakah penerima-penerima ini memilih satu-satu cara dan tidak cara-cara yang lain. Perancang keluarga dari sudut Islam juga ditinjau serba sedikit dan akhir sekali penulis cuba melihat sikap orang-orang Melayu terhadap perancang keluarga secara moden.

Keterangan-keterangan mengenai perkara ini diperoleh melalui fieldwork yang dijalankan dikampung Parit Setongkat, Muar, dimana 30 orang daripada penduduk-penduduk disini telah ditemui.

B. Metodoloji.

1). Pemilihan Responden.

Responden yang layak ditemubual untuk kajian ini ialah penduduk-penduduk tetap komuniti yang dikaji terdiri daripada isteri-isteri yang berumur antara 20 hingga 45 tahun dan masih mempunyai suami. Responden-responden ini mestilah terdiri daripada orang-orang Melayu belaka.

Dalam komuniti ini terdapat lebih kurang 50 buah rumah orang-orang Melayu yang letaknya disepanjang sebatang jalan tanah merah. Responden-responden yang layak ditemubual hanya 30 orang sahaja kerana yang lebihnya samaada sudah melebihi umur yang ditentukan ataupun ada yang sudah tidak mempunyai suami lagi. Sungguhpun penulis cuba mendapatkan pandangan-pandangan pihak suami keatas perkara-perkara tertentu tetapi penulis tidak memasukkan responden lelaki dalam senarai responden. pandangan suami ini hanya diketahui melalui isteri-isteri mereka sahaja.

Disamping 30 orang isteri-isteri yang ditemubual, penulis juga telah cuba mencari keterangan-keterangan lanjut tentang perkara perkara yang berkaitan dengan perancang keluarga daripada orang-orang kampung seperti bidan-bidan kampung, imam, orang-orang tua dan dari orang-orang luar komuniti itu seperti jururawat-jururawat yang bertugas diklinik-klinik perancang keluarga.

11). Cara-Cara Penyelidikan.

Penulis telah menjalankan beberapa cara untuk mendapatkan butir-butir keterangan bagi menjayakan penyelidikan ini. Metod-metod yang digunakan ialah :

1. Menggunakan set-set soalan yang tersusun (Questionnaire).
2. Interview schedule dengan penduduk-penduduk komuniti.
3. Sumber-sumber keterangan yang bertulis iaitu penyelidikan perpustakaan.

1). Questionnaire.

Questionnaire adalah merupakan pertanyaan atau soalan-soalan yang disediakan oleh penulis terlebih dahulu. Untuk kajian ini penulis telah menghantar questionnaire ini dengan sendiri kepada responden-respon- den yang layak serta mempunyai pelajaran formal disekolah. Hanya kepada mereka-mereka yang ini sahaja dapat diberikan questionnaire kerana oleh sebab mereka boleh membaca dan menulis, mereka dapat menulis jawapan-jawapan yang dikehendaki kepada soalan-soalan yang diberi.

Questionnaire yang penulis sediakan adalah berbentuk 'Struc- tured' dan juga berbentuk 'Unstructured'. Dalam questionnaire yang berben- structured jawapan-jawapan telah disediakan dan responden dikehendaki memilih salah satu daripada jawapan-jawapan itu. Cara ini penulis gunakan untuk mengetahui samaada isteri-isteri itu mengamalkan perancang keluarga atau tidak, metod yang digunakan serta keterangan latarbelakang responden itu seperti umur, pendapatan keluarga, pelajaran dan pekerjaan. Questionnaire yang berbentuk unstructured digunakan oleh penulis apabila menanyakan pen- dapat isteri-isteri tadi mengenai perancang keluarga serta pandangan mere-

ka terhadap cara-cara itu.⁴

2). Interview Schedule.

Dengan menggunakan metod ini, jawapan-jawapan kepada soalan-soalan yang penulis kemukakan kepada responden-responden adalah diisi sendiri oleh penulis iaitu semasa interview itu dijalankan. Penulis menggunakan metod ini kepada isteri-isteri yang buta huruf dimana penulis telah pergi dari sebuah rumah ke sebuah rumah yang lain dan mengisikan borang-borang yang telah disediakan. Metod ini juga digunakan semasa menemu-mual orang-orang lain daripada responden-responden seperti bidan-bidan kampung jururawat-jururawat, imam dan orang-orang tua.

3). Penyelidikan Perpustakaan

Disamping membuat kajian luar, penulis juga telah membuat penyelidikan diperpustakaan seperti perpustakaan dipusat Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancang Keluarga Malaysia di Setapak, Selangor dan diperpustakaan Universiti Malaya, Kuala Lumpur. Penyelidikan ini bertujuan untuk menolong penulis dalam memahami perkara-perkara yang berkaitan dengan perancang keluarga.

C). Masaalah Penyelidikan

Dalam menjalankan kajian ini, penulis telah menghadapi beberapa masaalah dalam usaha untuk mendapatkan keterangan-keterangan yang diperlukan. Antara kesulitan-kesulitan yang penulis hadapi adalah seperti berikut:-

i). Penulis menghadapi kesusahan untuk mendapat maklumat-maklumat perancang keluarga secara tradisional yang orang-orang Melayu praktiskan sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan. Kalau mereka memberitahu penulis pun, maklumat yang mereka berikan itu tidak berapa lengkap. Ini disebabkan pemahaman orang-orang Melayu yang menganggap perancang

keluarga adalah satu issue yang 'personal'. Dengan yang demikian, mereka enggan membincangkan perkara ini secara terus terang terutamanya bidan-bidan kampung.

ii). Disamping itu ada juga responden-responden yang ragu-ragu tentang tujuan penulis menjalankan kajian, dengan itu mereka memberikan jawapan-jawapan yang kurang memuaskan.

iii). Dalam metod-metod kajian yang penulis gunakan juga terdapat kelemahan-kelemahan. Umpamanya dalam metod 'questionnaire', jawapan-jawapan yang diberikan oleh responden itu mungkin tidak berapa tepat dan kadang-kadang terdapat salah pengertian akan soalan-soalan yang dikemukakan, maka jawapan-jawapan yang mereka berikan adalah kurang tepat. Dalam metod interview schedule juga terdapat kesulitan. Oleh kerana penulis yang menyoal dan memuliskan jawapan-jawapan responden, maka tentu penulis mengalami keletihan apabila perkara yang serupa dilakukan berulang kali. Dengan keletihan tadi, penulis tidak lagi dapat memuliskan dan menyoal dengan terator, dan dengan demikian jawapan-jawapan juga tidak terator. Juga kerana responden dikehendaki memberi jawapan pada ketika itu juga, mungkin jawapan yang diberi itu tanpa difikirkan dahulu, dan ini juga bertanggungjawab atas tidak berapa tepatnya jawapan itu.

iv). Dalam membuat penyelidikan diperpustakaan, tidak banyak bahan-bahan rujukan yang didapati. Ini disebabkan kajian-kajian perancang keluarga dalam masyarakat Melayu amat berkurangan sekali jika dibandingkan dengan kajian-kajian yang dibuat seperti dinegara-negara Amerika, Britain, India, Jepun dan Indonesia. Kekurangan kajian di Malaysia ini adalah kerana rancangan-rancangan perancang keluarga di Malaysia ini baru sahaja disebarkan secara berluasan.

D. Tempat Kajian.

Pemulis telah menjalankan kajian disebuah komuniti Melayu di Parit Setongkat, Muar, Johor. Penyelidikan ini dijalankan semasa cuti panjang Universiti Malaya pada bulan Mach 1974. Komuniti ini terletak lebih kurang 2 batu dari bandar Maharani iaitu bandar yang paling dekat. Komuniti ini dihubungi dari jalan raya iaitu Jalan Salleh dengan sebatang jalan tanah merah yang jauhnya kira-kira dua batu. Disepanjang

jalan tanah merah ini terdapat kira-kira 50 buah rumah yang 90% daripada rumah-rumah ini adalah rumah-rumah orang Melayu. Dalam komuniti ini terdapat sebuah surau dimana orang-orang dalam komuniti itu belajar agama. Tetapi sekolah tidak terdapat dalam komuniti kecil ini kerana lebih kurang $\frac{1}{4}$ batu luar dari komuniti ini terdapat beberapa buah sekolah, baik sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Jadi anak-anak orang dalam komuniti ini pergi kesekolah-sekolah tersebut.

Mengenai alam sekeliling komuniti ini, disekitar komuniti ini hanya terdapat beberapa ekar sahaja tanah yang ditanam dengan pokok buah-buahan. Selain daripada itu kawasan-kawasan ini dipenuhi dengan rumah-rumah yang rapat-rapat belaka. Kebanyakan rumah-rumah ini adalah rumah-rumah mereka sendiri. Selebihnya adalah rumah-rumah sewaan. Oleh kerana tidak adanya peluang untuk mencari mata pencarian dalam komuniti ini, penulis dapati boleh katakan semua kaum lelaki dalam komuniti ini mencari nafkah hidup diluar komuniti iaitu ditempat-tempat lain. Kebanyakan daripada mereka iaitu 50% adalah merupakan penarik beca atau roda tiga, sementara yang 50% lagi termasuk mereka-mereka yang menjadi guru, pekerja kilang, boroh kasar, polis, kerani dan pemandu teksi. Dengan ini jelas kelihatan bahawa penduduk-penduduk dalam komuniti ini menjalankan berbagai jenis pekerjaan. Bagi pihak isteri-isteri pula, kebanyakan daripada mereka tidak bekerja kecuali menguruskan rumahtangga sahaja, sementara yang lain pula ada yang menjadi guru, bidan kampung, menoreh getah dan menjadi pembantu rumahsakit.

Oleh kerana komuniti ini dekat dengan bandar, penulis dapati orang-orang dalam komuniti ini terutama mereka-mereka yang masih muda boleh dikatakan moden baik dari segi pakaian dan juga cara pemikiran. Ini mungkin disebabkan kontek mereka yang begitu luas dengan alam perbandaran. Tapi tidak dapat dinafikan masih terdapat mereka-mereka yang masih berpegang kuat dengan tradisi-tradisi lama terutamanya mereka-mereka yang sudah tua.

E. Definisi-Definisi

Untuk kajian ini, penulis telah menggunakan istilah-istilah

saperti perancang keluarga, komuniti, cara-cara tradisional dan cara-cara moden.

Istilah perancang keluarga yang digunakan disini, penulis maksudkan satu rancangan untuk mengatur sedikit atau banyaknya anak daripada sesuatu keluarga. Dengan lain-lain perkataan, ianya adalah suatu cara yang mudah bagi menentukan masa mendapat anak menurut kehendak seseorang. Tujuannya ialah untuk mendapat keluarga yang sihat dan ria. Ia menolong ibu-ibu mendapat anak bila-bila mereka hendak anak dan boleh memelihara anak dengan sempurna dan tidakalah berserah sahaja kepada nasib.

Pengertian komuniti yang digunakan dalam kajian ini berputar pada tiga faktor iaitu kawasan sama, ikatan sama dan hubungan sosial.⁵ Dengan kawasan yang sama dimaksudkan kawasan yang kecil dimana hubungan persemu-kaan boleh berlaku bagi sebahagian besar anggotanya. Sekiranya kawasan terlalu besar hubungan rapat tidak boleh berlaku. Keadaan tempat tinggal yang sama boleh menimbulkan identifikasi bersama yang digunakan bagi menyelesaikan masalah yang timbul hasil dari tempat tinggal yang sama. Komuniti dalam kajian ini merujuk kepada komuniti Parit Setongkat, Muar, Johor.

Pemisahan yang dibuat oleh penulis antara cara-cara tradisional dan cara-cara moden ialah dengan melihat pada darjat kemodenan satu-satu cara itu. Cara-cara tradisional walaupun kadang-kadang ada persamaan dengan cara-cara moden tetapi ianya tidaklah begitu saintifik seperti cara-cara moden.

5. ROKIAH TALIB, Komuniti Bandaran Kampong Raja Uda; thesis M.A. Jabatan Pengajian Melayu, Universiti Malaya, 1969.

1. ROKIAH T. TALIB, National History of Contraception, (The Williams & Wilkins Company, Baltimore, 1976); p. 353

2. IMP, 2.2. 18.

SEJARAH PERKEMBANGAN PERANCANG KELUARGA

Sebenarnya perancang keluarga sudah ada sejak manusia mula pandai hidup berkelamin di dunia ini dan ianya berterusan sehingga hari ini.¹ Tetapi pada masa dahulu istilah perancang keluarga tidak ada dan mereka menggunakan nama-nama seperti mencegah mengandung dan mengawal kelahiran. Tetapi pada masa sekarang istilah-istilah ini telah digantikan dengan istilah perancang keluarga yang dianggap lebih sesuai dengan tujuan-tujuan rancangan ini yang sebenarnya iaitu mengatur jarak masa antara setiap kelahiran mengikut kemahuan dan kemampuan masing-masing, demi untuk kesejahteraan hidup keluarga.

A. PERANCANG KELUARGA DALAM MASYARAKAT TRADISIONAL

Sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan di seluruh dunia, pengetahuan asas bagi cara kawalan kelahiran ini telah wujud dalam semua kebudayaan-kebudayaan yang besar disepanjang pembangunan sosial. Tetapi kemahuan ini yang selalunya tidak disedari adalah lebih universal dan umum daripada amalannya. Walaupun pun cara-cara pada masa ini selalunya berjaya dengan adanya rasionalisasi dan kemajuan sains, tetapi jika kita lihat sejak hari permulaan manusia sebagaimana yang dibuktikan oleh fosil-fosil semasa dan masyarakat-masyarakat primitif, teknik-teknik yang rasional dan berkesan secara teori ini juga wujud. Dikalangan orang-orang Egypt dan secara lebih luas dikalangan orang-orang Greek, Persia dan Arab sudah ada satu langkah kemajuan ke hadapan.² Kita telah melihat perkembangan pengetahuan tentang pengawalan

1. NORMAN E. HIMES, Medical History of Contraception; (The Williams & Wilkins Company, Baltimore, 1936), m.s. 333

2. IBID, M.S. 18.

~~Kita telah melihat perkembangan pengetahuan tentang pengawalan kelahiran dalam ubat-ubat orang tempatan.~~

Wanita-wanita Egypt umpamanya dalam dinasti yang ke-12, lebih kurang pada 1850 S.M. telah menggunakan Majis buaya sebagai "pessary" untuk mencegah kehamilan. Mereka juga telah menyapu madu pada rahim orang-perempuan dan memasukkan sejenis benda yang berupa kanji kedalam rahimnya. Cara-cara ini tidak boleh dikatakan najis kerana orang-orang moden pada hari ini telah menggunakan madu dan kanji juga untuk menyekat air mani lelaki.

Orang-orang primitif pada keseluruhannya cuba bergantung pada kematian bayi, pengguguran dan larangan-larangan sex sebagai cara untuk mencegah kelahiran daripada menggunakan metod-metod yang cara langsung. Tetapi kebanyakan daripada metod-metod ini ujud umpamanya upacara-upacara magis, 'coitus interruptus' atau cabut ketika hendak keluar mani telah dipraktiskan dengan meluas dikebanyakan negara-negara diAfrika; memakan akar-akar kayu, agar-agar laut dan tumbuh-tumbuhan tertentu juga dipraktiskan. Dalam setengah-setengah kawasan orang-orang perempuan telah membilas rahim mereka dengan air limau. Orang-orang perempuan diAcheh, Sumatra, telah memasukkan sejenis benda yang kaya dengan asid asam (tannic Acid) sekiranya mereka tidak inginkan mengandung.³

Ramai penulis-penulis tua Greek dan Roman termasuk Aristotle, Plato, Hesiod dan Lucretius telah memulis tentang masaalah-masaalah bagi mencegah kelahiran. Dalam penulisan Pliny The Elder (23-79 M), banyak kepercayaan-kepercayaan karut seperti perbuatan seseorang itu mengambil cacing-cacing kecil daripada badan labah-labah dan meletakkannya kedalam secebis kulit rusa, kemudian dipakaikan kebadan orang perempuan sebelum matahari naik, dengan berbuat begini orang perempuan itu tidak akan mengandung. Seorang penulis zaman purba lagi mengatakan sekiranya orang perempuan dapat meludah kedalam mulut katak sebanyak tiga kali, ia tidak

3. PETER FRYER, The Birth Controllers; (Secker and Warbaurg Ltd. London, 1905) m.s. 18.

4. IBID., m.s. 19.

5. IBID., m.s. 21.

akan mengandung selama setahun. Dalam kebudayaan orang-orang Hebrew, ada disebutkan tentang penggunaan sepan (sponge) yang dimasukkan kedalam rahim untuk menyerap mani untuk mencegah kehamilan. Disamping itu ada juga disebutkan tentang meminum air akar-akar kayu dan menggunakan masa selamat (rythm method).⁴

Doktor-doktor Islam pula mencadangkan penggunaan memakan isi buah delima dengan tawas, garam batu (rock salt) dan daun sayur kobis dicampur dengan minyak tar pelangkin. Keterangan-keterangan mengenai ubat ubat orang Cina sedikit benar didapati; orang-orang Cina lebih banyak bergantung kepada meminum ubat-ubat dan pengguguran. Setengah wanita-wanita Cina meminum air sejuk sesudah saja melakukan persetubuhan. Satu lagi cara ialah dengan membakar sejenis ubat dipusat orang perempuan. Ubat ini dibuat daripada daun-daun kering pokok mugwort (*Artemisia Vulgaris*) dan kadang-kadang dicampur sedikit dengan kemenyan yang berbentuk bulat seperti bola. Bila ubat ini dibakar dipusat, orang perempuan itu tidak akan mengandung. Wanita-wanita Jepun yang tidak mahu mengandung selamanya membakar bola-bola ini diatas 'mons veneris' (venusberg). Dikalangan wanita-wanita Jepun bola ini dipanggil 'mogusa' atau 'mokusa'. Lelaki-lelaki Jepun sebelum kedatangan sarung getah keJepun dalam tahun 1870an atau 1880an telah memakai sarung yang dibuat daripada kulit kura-kura, tanduk atau kulit-kulit binatang ^{dan} yang dikenali dengan nama 'kabutogata' atau 'kyotai'.⁵

Amalan-amalan orang-orang Eropah yang tidak terpelajar terhadap perkara mencegah kehamilan ini adalah lebih rasional daripada apa yang terdapat dalam komuniti-komuniti primitif yang lain. Selain daripada penggunaan 'coitus interruptus' yang meluas, mereka juga berdasarkan amalan-amalan mereka semata-mata keatas kepercayaan-kepercayaan magis yang primitif. Orang-orang perempuan akan duduk diatas beberapa jari mengikut angka-angka tertentu dalam mana ia tidak mahu mengandung. Umpamanya jika ia tidak mahu mengandung selama tiga tahun, maka ia akan duduk keatas tiga jari. Untuk mengelakkan daripada mengan-

4. IBID, m.s. 19.

5. IBID, m.s. 20.

dung, wanita-wanita ini juga memakan atau meminum air yang dibuat seperti teh daripada daun-daun pokok yang tidak berbuah terutamanya pokok 'willow! Tidak berapa lama selepas cara ini digunakan orang, wanita-wanita German telah mengesahkan bahawa teh daripada pokok ini membuatkan mereka mandul.⁶

B. PERANCANG KELUARGA MODEN

Pengalaman pembatasan kelahiran secara moden ini telah bermula di Peranchis pada akhir abad ke-18 dan dinegara-negara lain pada abad ke-19. Secara amnya amalan ini pada mula-mulanya lebih meluas ^{dikalangan orang-orang} yang berada dan terpelajar, daripada orang yang tidak berada dan tidak terpelajar, dan dari kawasan-kawasan bandar ke kawasan desa. Keadaan ini berlaku kerana pada masa perancang keluarga secara moden mula diperkenalkan, cuma orang-orang yang mampu untuk membelinya sahaja yang dapat menggunakannya dan hanya mereka-mereka yang mempunyai pelajaran sahaja mengetahui akan kegunaan cara-cara moden ini menerusi alat-alat sebaran am. Tetapi setelah kerajaan menggalakkan orang ramai menerima perancang keluarga, kerajaan atau badan-badan tertentu telah memberi perkhidmatan percuma kepada orang-orang miskin dan memberi penjelasan kepada orang-orang yang buta huruf, maka lebih ramai lagi orang-orang yang dapat menggunakan perancang keluarga secara moden. Tetapi dikawasan-kawasan desa proses penerimaan ini berjalan dengan agak perlahan juga.

Sehingga pada saat ini, sudah ada usaha untuk menunjukkan yang kemahuan untuk mengawal kelahiran adalah satu fenomena universal yang jelas. Seterusnya cara bagi memenuhi kehendak-kehendak itu juga lebih diketahui umum daripada apa yang disangkakan.

Pergerakan kawalan kelahiran yang ditubuhkan dengan lebih formal lagi bermula dengan 'Francis Place' di England dalam tahun 1822 atau 1823.⁷ Dalam abad ke-19 dan dalam dekad-dekad yang baru ini sudah ada penulisan perubatan berkenaan perkara ini disebarkan. Kita dapati

6. IBID, M.S. 20.

7. NORMAN E. HIMES, Medical History of Contraception (The Williams & Wilkins co. Baltimore, 1936), m.s. 333.

berjuta-juta risalah tentang panduan ini disebarkan di England, United States dan Germany sejak tahun 1800. Walaupun pengalaman cara-cara pembatasan kelahiran ini telah lama diketahui tetapi pengetahuan berkenaan dengan perkara ini adalah baru sahaja. Kita lihat diffusi secara 'commercialize' adalah 'trend' baru, bahkan sebahagian besar daripada proses sosialisasi yang berlaku dimasyarakat -masyarakat Barat terdapt dalam abad yang lepas.

C. PERANCANG KELUARGA MODEN DIMALAYSIA

Dinegara ini, khususnya Semenanjung Malaysia, orang ramai boleh mendapat perkhidmatan perancang keluarga melalui empat saluran yang besar:

1. Klinik-klinik Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan.
2. Klinik-klinik Persatuan Perancang Keluarga.
3. Doktor-doktor persendirian.
4. Estet-estet.

DiSemenanjung Malaysia sehingga tahun 1950an, perancang keluarga masih merupakan aktiviti-aktiviti yang dijalankan dalam setengah-setengah negeri oleh 'individual Physicians' dan jururawat-jururawat dalam hubungan tugas-tugas mereka dipejabat-pejabat, rumahsakit-rumahsakit atau klinik-klinik kesihatan ibu-ibu dan anak-anak. Usaha persatuan yang pertama bermula dengan penubuhan 'State Family Planning Association' diSelangor dalam bulan Julai tahun 1953 dan lepas itu diJohor dalam tahun 1954; Kemudian diikuti oleh dua lagi yang ditubuhkan diPerak dan Melaka dengan galakan dan pertolongan 'Singapore Family Planning Association' (SEPA). Dengan pertolongan kewangan daripada 'International Planned Parenthood Federation' (IPPF), dan dengan permulaan subsidi tahunan daripada 'Malaya's Social Welfare Lottery Board' dalam tahun 1958, minat dan aktiviti berkembang hingga bulan Julai 1962 sudah ada persatuan perancang keluarga dalam semua sebelas buah negeri diSemenanjung Tanah Melayu.⁸

8. MAGGIE LIM, Malaysia and Singapore; kertaskerja dalam persidangan Family Planning Programs, Geneva, 1965.

Disini penulis akan menekankan kegiatan satu badan perancang keluarga sahaja di Malaysia iaitu Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan kerana memandangkan kegiatan badan ini lebih meluas diseluruh negara. Rancangan Perancang Keluarga yang dimulakan dalam tempoh Rancangan Malaysia Pertama telah membuat kemajuan yang memuaskan. Rancangan ini menjangka pada tahun 1985 kadar tambahan penduduk tahunan dinegara ini akan dikurangkan dari kadar sekarang dari 3% menjadi 2%. Rancangan Kerajaan adalah ditumpukan kepada Malaysia Barat sahaja. Malaysia Timur telah mendapat perkhidmatan dari Persatuan Perancang Keluarga dan lain-lain pertubuhan sukarela.

Dalam tempoh tahun-tahun 1966-1970 Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan telah menjalankan beberapa projek yang khusus untuk menggalakkan penggunaan pil-pil perancang keluarga dan melatih kakitangan dalam perkhidmatan itu. Klinik-klinik perancang keluarga telah disediakan dihospital-hospital dan klinik-klinik kesihatan luar bandar. Kakitangan tetap dari lembaga tersebut telah ditugaskan diklinik-klinik itu.

Kakitangan klinik-klinik tersebut juga mengadakan klinik-klinik perancang keluarga bergerak dipusat-pusat kesihatan kecil dan klinik-klinik bidan. Pada hujung tahun 1970, lembaga tersebut telah mengadakan 217 kakitangan yang bertugas diklinik dan diluar klinik untuk memberi perkhidmatan kepada 76 klinik tetap dan 413 klinik kecil diseluruh Malaysia Barat. Disamping itu perkhidmatan juga telah diberi kepada 186 ladang. Persatuan perancang keluarga juga telah menyumbangkan perkhidmatan mereka kepada 42 klinik dan 122 klinik bergerak. Persatuan-persatuan ini juga telah memberi perkhidmatan kepada 148 ladang.

Sejak bulan Mei 1967 iaitu apabila Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan memulakan kerja-kerjanya sehingga penghujung tahun 1970, kira-kira 222,000 orang telah mendaftarkan diri sebagai penerima rancangan perancang keluarga itu. Seramai lebih kurang $\frac{1}{3}$ dari jumlah itu didaftarkan oleh pertubuhan-pertubuhan sukarela seperti Persekutuan Persatuan-Persatuan Perancang Keluarga. Lebih kurang 63% dari peserta ini didapati terus menggunakan kemudahan-kemudahan itu selepas masa dua belas bulan sementara 44 % lagi dianggarkan terus menggunakan selepas masa 24 bulan. Keadaan seperti ini adalah setaraf jika dibandingkan dengan bagaimana dinegara-negara lain yang telah melaksanakan rancangan perancang

ngan pengalaman dinegara-negara lain yang menjalankan rancangan perancang keluarga kebangsaan seperti ini.

Berdasarkan pengalaman kesuburan dikalangan wanita-wanita yang berumah tangga, kejayaan ini dianggarkan telah berhasil mencegah lahirnya 57,600 bayi. Dengan keadaan kadar yang terdapat sekarang dan kerelaan wanita terus mengikuti rancangan pada akhir tahun 1970, adalah ditaksirkan 78,400 kelahiran akan dapat dicegah selepas tahun 1970.

Jumlah perbelanjaan mencegah berlakunya satu kelahiran ialah \$123 pada tahun 1970. Angka ini adalah didapati rendah dari perbelanjaan yang dialami pada dua tahun permulaan rancangan itu dimana terdapat perbelanjaan-perbelanjaan bagi memubuhkan infrastruktur rancangan keluarga dan dimana cuma sebilangan kecil sahaja peserta-peserta rancangan ini. Sungguhpun ada kemungkinan perbelanjaan bagi mencegah kelahiran akan terus berkurangan, jika cara-cara yang lebih murah diterima, pada keseluruhannya perbelanjaan akan meningkat apabila rancangan ini dapat dikembangkan ke kawasan-kawasan terpencil.

Selain daripada kerja-kerja biasa yang telah dijalankan, beberapa kajian tertentu telah juga dijalankan bagi memperluaskan dan memperbaiki kesan rancangan ini. Pada tahun-tahun yang sudah beberapa langkah telah dijalankan bagi menghadkan kelahiran bayi-bayi. Langkah-langkah tersebut ialah mengembangkan perkhidmatan rancangan keluarga ke kawasan-kawasan kemajuan tanah (LKTP) dan menghadkan kemudahan dan bantuan bersalin bagi pekerja-pekerja kerajaan kepada tiga orang anak sahaja. Langkah ini sedang dipertimbangkan juga oleh beberapa pertubuhan swasta. Keputusan yang dibuat baru-baru ini untuk memulakan satu matapelajaran mengenai aspek-aspek penduduk yang tertentu disekolah-sekolah akan menambahkan fahaman terhadap soal-soal yang berkaitan dengan perancang keluarga.

Antara kawasan-kawasan yang Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan memberi perkhidmatan ialah Mukim Bandar Muar, Johor. Pusat perancang keluarga ini bertempat dirumahnyaakit besar Muar. Penduduk-penduduk dari komuniti Parit Setongkat telah mendapat perkhidmatan perancang keluarga disini sebab inilah pusat perancang keluarga yang terdekat bagi

mereka, disamping beberapa orang yang berkemampuan telah pergi kedoktor-doktor persendirian di bandar ini. Perancang keluarga secara moden ini telah diperkenalkan kepada penduduk komuniti ini pada awal tahun 1960an. Rancangan ini dimulakan dengan menasihati ibu-ibu yang baru lepas bersalin di rumah sakit akan perkara-perkara mengenai kesihatan bayi dan sebagainya. Dengan secara langsung kakitangan-kakitangan perancang keluarga telah menasihati ibu-ibu supaya mengamalkan perancang keluarga terutamanya ibu-ibu yang telah mempunyai ramai anak dengan menggunakan salah satu daripada cara-cara moden yang kemudiannya telah diterangkan kepada mereka. Selain daripada memberi penerangan kepada ibu-ibu yang baru lepas bersalin, jururawat jururawat ini juga telah memberi penerangan kepada ibu-ibu yang sedang mengandung yang datang ke klinik-klinik bersalin untuk diperiksa mengenai perancang keluarga ini. Disamping memberi ceramah-ceramah kepada ahli-ahli Pertubuhan Wanita Parit Setongkat, ibu-ibu ini juga dibekalkan dengan risalah-risalah dan buku-buku kecil mengenai cara-cara perancang keluarga moden. Dengan cara ini pengetahuan tentang perancang keluarga secara moden ini tersebar luas keseluruh komuniti Parit Setongkat.

diperkenalkan kepada mereka, dan telah menunjukkan orang-orang tua dalam komuniti ini terutamanya dalam kalangan orang-orang tua. Melalui mereka ini keluarga dapat mengamalkan sedikit sebanyak pengetahuan orang-orang Melayu mengenai perancang keluarga dan cara-cara mereka gunakan. Menurut pendapat mereka, orang-orang Melayu bukan baru ini sahaja mengetahui tentang cara-cara untuk mencapai kelahiran. Orang-orang Melayu sejak zaman dahulu lagi telah mengetahui bahawa bilangan anak yang mereka kehendaki sangat ini mempunyai bebanan keluarga mereka akan pun kesihatan mereka. Tetapi segala pengetahuan tentang cara-cara ini tidak tersebar ke kepada orang ramai seperti mana yang terdapat pada hari ini. Pada hari ini kita lihat badan-badan perancang keluarga dan juga kerajaan telah mempergunakan rancangan perancang keluarga kepada seluruh rakyat, dengan itu perancang keluarga tersebar luas. Berbanding dengan keadaan ini, orang-orang Melayu pada masa dahulu menganggap perancang keluarga ini sebagai sesuatu yang agak rahsia. Lagipun pengetahuan ini tidak ditulis dalam apa-apa buku panduan tetapi hanya melalui lisan sahaja sebagai rahsia. Ini disebarkan oleh orang-orang Melayu pada masa dahulu melalui lisan sahaja. Dengan ini,

BAB 111

PERANCANG KELUARGA TRADISIONAL DAN MODEN DALAM

KOMUNITI MELAYU.

Dalam bab ini akan dikemukakan hasil-hasil dan keputusan-keputusan penyelidikan yang dijalankan itu. Dalam komuniti dimana penulis menjalankan kajian, diantara 30 responden yang penulis temubual, terdapat 8 responden (26.7 %) yang tidak mengamalkan perancang keluarga, sementara 22 responden lagi (73.3 %) ada merancang keluarga mereka samaada cara moden atau cara tradisional. Antara 22 responden yang merancang keluarga mereka ini terdapat 12 responden (54.5 %) menggunakan cara moden atau cara-cara saintifik, 6 responden (27.3 %) menggunakan cara tradisional sementara 4 responden lagi (18.3 %) menggunakan kedua-dua cara iaitu cara tradisional dan cara moden.

Untuk mengetahui bagaimanakah perancang keluarga ini dipraktiskan dalam komuniti Melayu sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan kepada mereka, penulis telah menemuduga orang-orang tua dalam komuniti ini termasuklah bidan-bidan kampung. Melalui mereka ini penulis dapat mengumpulkan sedikit sebanyak pengetahuan orang-orang Melayu mengenai perancang keluarga dan cara-cara^{yang} mereka gunakan. Menurut pendapat mereka, orang-orang Melayu bukan baru ini sahaja mengetahui tentang cara-cara untuk mencegah kehamilan. Orang-orang Melayu sejak zaman dahulu lagi telah pandai menghadkan bilangan anak yang mereka kehendaki mengikut kemampuan kewangan keluarga mereka atau pun kesihatan siibu itu. Tetapi segala pengetahuan tentang cara-cara ini tidak disebar kan kepada orang ramai sapertimana yang terdapat pada hari ini. Pada hari ini kita lihat badan-badan perancang keluarga dan juga kerajaan telah memperkenalkan rancangan perancang keluarga kepada seluruh rakyat, dengan itu perancang keluarga tersebar luas. Berlaian dengan keadaan ini, orang-orang Melayu pada masa dahulu menganggap perancang keluarga ini sebagai sesuatu yang agak rahsia. Lagipun pengetahuan ini tidak ditulis dalam mana-mana buku panduan tetapi ianya adalah dalam bentuk lisan sahaja. Ini disebabkan kan orang-orang Melayu pada masa dahulu adalah buta huruf. Dengan ini,

pengetahuan ini menjadi hak orang-orang yang tahu sahaja terutama orang-orang tua.

Satu perkara yang nyata yang penulis dapati dalam komuniti Melayu ini ialah cara bagaimana ilmu perancang keluarga itu diturunkan dari seorang seseorang yang lain. Orang-orang^{yang} mengetahui ilmu itu tidak akan mengajar orang-orang lain dengan percuma sahaja; ada syarat-syarat tertentu dikenakan keatas orang yang ingin mempelajari ilmu itu sebagai hadiah. Umpamanya jika seseorang ingin mempelajari ilmu tentang penjarang anak daripada seorang bidan kampung, maka setelah mempelajari ilmu itu hendaklah ia memulangkan apa yang di panggil oleh orang-orang Melayu sebagai 'paku buah keras'. Dengan ini dimaksudkan orang yang menerima ilmu itu hendaklah menghadihkan balik kepada bidan kampung itu dengan sehelai kain, sebatang paku, sedikit garam, sedikit asam dan sebiji buah keras. Hadiah-hadiah ini dianggap sebagai 'pengeras' iaitu untuk membuatkan ilmu itu lebih berkesan. Pemulangan 'paku buah keras' ini merupakan sesuatu yang lazim dalam masyarakat Melayu tradisional apabila seseorang menuntut ilmu, tidak kira ilmu apa pun. Keadaan ini bukan sahaja terdapat dalam masyarakat tradisional, tetapi dalam masyarakat Melayu pada hari ini pun masih ada orang yang mempraktikkan.

A CARA-CARA TRADISIONAL

Salah satu daripada cara-cara tradisional yang digunakan oleh orang orang Melayu sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan ialah ilmu penjarang anak. Ilmu ini merupakan beberapa baris ayat Kor'an yang mesti dibaca oleh ibu-ibu yang mahu menjarangkan anak mereka tiap-tiap pagi selepas bangun dari tidur sebanyak tiga kali. Sambil membaca ayat-ayat itu, ibu tadi mestilah mengurut perutnya keatas. Selama mana ibu itu tidak mahu mengandung, selama itulah ilmu itu diamalkan. Mengikut kata responden yang mengamalkan ilmu penjarang anak ini, ilmu ini amat berkesan kepada dirinya dan ia tidak ada menggunakan cara-cara lain. Apabila penulis bertanya tentang bagaimanakah bunyi ayat ilmu itu, responden itu enggan memberitahu nya. Sungguhpun ilmu ini amat berkesan sekali dan mudah diamalkan, tetapi penulis dapati tidak ramai ibu-ibu dalam komuniti ini yang mengetahui tentang ilmu ini. Ini disebabkan mereka-mereka yang

mengetahui tentang ilmu itu enggan memberitahu kepada yang lain. Kadang-kadang penulis dapati ada juga seorang dua responden yang lain yang tahu akan ilmu ini tetapi mereka tidak mengamalkan dengan bersungguh-sungguh, tambahan pula mereka ragu-ragu akan berkesan nya ilmu penjarang anak ini.

Selain daripada cara ilmu penjarang anak ini, cara memakan ubat-ubat Melayu juga terkenal dalam komuniti Melayu. Ubat-ubat Melayu ini termasuklah makjun, jejamu dan ubat periok. Ubat periok ini dibuat daripada berjenis-jenis akar kayu yang dipercayai mempunyai kuasa untuk mencegah sesaorang daripada mengandung. Ubat periok ini direbus dan airnya yang pahit itu mesti diminum oleh ibu-ibu terutamanya semasa ianya baru saja lepas bersalin. Makjun dan jejamu pula dibuat daripada rempah-rempah yang mesti dimakan oleh ibu-ibu setiap hari. Makjun digentel sebesar ibu jari tangan dan ianya ditelan tiga kali sehari, sementara jejamu dimakan dengan telur dan madu. Tujuan nya ialah untuk memanaskan badan dan dengan itu mereka percaya ibu itu tidak akan mengandung.

Satu lagi perkara yang lazim dipercayai oleh orang-orang Melayu ialah jika badan ibu-ibu panas maka kemungkinan bagi ibu-ibu itu lekas mengandung adalah berkurangan daripada kemungkinan ibu-ibu yang badannya sejuk. Sebab itulah semasa ibu-ibu baru saja lepas bersalin dikenakan pantang supaya tidak boleh memakan makanan-makanan yang sejuk, tajam dan bisa seperti buah betik, buah pisang, buah nenas, air batu, air kelapa dan ikan kembong. Memakan lada juga dilarang kepada ibu-ibu dan mereka mestilah mengelakkan daripada terkena cahaya matahari yang terlalu terik. Dengan adanya kepercayaan ini, penulis dapati ubat-ubat Melayu adalah panas-panas belaka yang selalunya dibuat daripada rempah-rempah untuk memanaskan badan dari dalam.

Orang-orang Melayu juga tidak ketinggalan dalam tradisi mengurut. Bidan-bidan kampung selalunya pandai mengurut ibu-ibu, bukan saja mengurut sakit-sakit badan dan sebagainya tetapi juga pandai mengurut orang perempuan untuk mengelakkan daripada mengandung. Urutan ini dibuat ketika ibu itu lepas bersalin dan tidak mahu mengandung lagi. Cara ini dibuat dengan mengurut perut ibu itu tiga kali berturut-turut selama tiga hari. Cara ini apa yang dikatakan oleh orang-orang Melayu sebagai

sengkek. Sengkek ini jika dibuat dengan betul, ibu itu dapat mengelakkan daripada mengandung buat beberapa lama.

Ada setengah-setengah orang Melayu mempercayai jampi-jampi; umpamanya jika sesaorang itu tidak mahu mengandung, maka ia akan menyuruh bidan bidan kampung atau bomoh-bomoh Melayu menjampikan makanan-makanan tertentu dan makanan itu kemudiannya dimakan oleh orang yang tidak mahu mengandung itu.

Oleh kerana orang-orang Melayu percaya bahawa kekerapan mengandung disebabkan badan yang kurang sihat, maka penulis dapati orang-orang Melayu sangat berhati-hati menjaga kesihatan badan selepas melahirkan anak. Salepas melahirkan anak ibu-ibu ini dikenakan pantang selama 44 hari. Ibu-ibu ini dilarang membuat kerja yang berat seperti mencuci pakaian dan memasak kerana jika ibu-ibu dibiarkan membuat kerja yang berat, ada kemungkinan ibu itu akan tumpah darah iaitu ibu itu akan mengeluarkan darah yang banyak dan ini boleh mengganggu kesihatan ibu itu. Tentang memakan makanan-makanan juga ibu-ibu ini mesti berhati-hati kerana takut terkena bentan atau demam. Jika ibu-ibu ini kurang sihat, orang-orang Melayu percaya yang mereka itu lebih mudah mengandung.

Satu lagi kebiasaan orang-orang Melayu selepas melahirkan anak ialah bertungku iaitu meletakkan sesuatu yang panas diatas perutnya. Ini dilakukan selama ibu itu belum sihat. Bertungku ini bertujuan untuk mempercepatkan lagi pemulihan kesihatan ibu itu dengan memanaskan badan nya. Selain daripada bertungku ini ibu-ibu ini juga memakai bengkong iaitu kain yang besar serta panjang digunakan untuk membalut perut ibu-ibu yang baru bersalin ini. Bengkong ini dipakai untuk mengembalikan kedudukan perut seperti asal dan dengan itu ibu-ibu susah hendak terkena penyakit. Semasa mandi sehari-hari ibu-ibu yang dalam pantang ini mesti mandi dendan air yang direbus bersama-sama daun kunyit, lengkuas, serai dan pandan. Selepas mandi, ibu itu akan diselimuti dengan kain dan disuruh duduk kira-kira setengah jam dekat periok yang didalamnya ada direbus akar-akar. Ibu-ibu itu akan berpeloh dan ini dianggap satu-satu yang baik untuk kesihatannya. Untuk mengelakkan daripada kuasa-kuasa hantu, sejenis ubat Melayu

yang busuk baunya iaitu pilis telah disapu diatas dahi ibu-ibu itu.

Jika cara-cara orang-orang Melayu mencegah kehamilan ini dilihat dari sudut ilmu sains, maka cara ini memang tidak boleh dikatakan saintifik langsung kerana ianya tidak berdasarkan penyelidikan saintifik. Ianya lebih tepat jika dikatakan magis atau cuma kepercayaan-kepercayaan orang Melayu sahaja. Tetapi sungguhpun orang-orang Melayu ini sedikit sekali mengetahui akan proses-proses pembiakan manusia secara saintifik, ini tidak bermakna mereka tidak tahu bagaimana hendak mencegah kehamilan, malah ada cara-cara tradisional mereka yang boleh dikatakan moden juga. Mereka menyatukan perkara-perkara yang tidak rasional dengan perkara-perkara yang rasional untuk dijadikan kebiasaan kepada orang-orang Melayu. Umpamanya cara memperpanjangkan masa menyusukan anak dengan susu badan. Cara ini masih terdapat dikalangan wanita-wanita moden. Walaupun orang-orang Melayu kaya dengan pantang larang tetapi segala pantang ini masih belum luput samasekali dari kepercayaan orang-orang Melayu. Bahkan terdapat juga wanita-wanita Melayu yang terpelajar masih mempercayai akan pantang dan adat resam orang Melayu tradisional. Amalan-amalan yang diamalkan oleh orang-orang Melayu tradisional disamping merupakan cara-cara untuk menjarangkan masa ibu-ibu itu melahirkan anak, ianya juga bertujuan untuk membuat sesaorang ibu itu sihat sepanjang umurnya. Dengan tujuan-tujuan inilah tidak hairan kalau kita dapati ramai wanita-wanita moden mengamalkan cara-cara ini dan patuh kepada pantang larang kalau tidak sepenoh pun, sedikit-sedikit masih ada.

Pada masa sekarang, cara-cara pengguguran anak selalunya diketahui oleh doktor-doktor dan jururawat-jururawat sahaja, tetapi dalam masa masa yang lampau umpamanya dalam masyarakat Melayu, bidan-bidan Melayu juga mengetahui tentang hal ini. Kalau pada masa ini pengguguran anak merupakan satu daripada cara-cara untuk mencegah kelahiran, orang-orang Melayu pada masa dahulu juga menggunakan cara yang sama, cuma terdapat perbezaan dari segi bagaimana ia dijalankan dan alat-alat yang digunakan. Kalau para doktor menggunakan alat-alat yang moden dan saintifik tetapi bidan-bidan Melayu mempunyai cara yang tersendiri dalam menjalankan pengguguran ini.

Antara cara-cara ini ialah dengan memasukkan getah betik kedalam rahim ibu yang sedang mengandung itu. Sebelum getah itu dimasukkan kedalam rahim ibu itu, ianya telah terlebih dahulu dijampi oleh bidan. Tujuan

memasokkan getah yang berjampi ini kedalam rahim ibu yang sedang mengan-
dung itu ialah untuk memotong uri anak dalam kandungan itu dan ^{dengan} itu ibu
tersebut dapat menggugurkan kandungan nya. Tetapi tidak bererti cara ini
pasti berkesan, ianya hanya berkesan sekiranya anak dalam kandungan itu
baru berumur satu atau dua bulan.

Satu lagi cara yang digunakan oleh rang-orang Melayu ialah dengan
menggunakan sesuatu benda yang tajam dimasukkan kedalam rahim ibu terse-
but untuk memecahkan darah beku yang hendak menjadi bayi itu. Dalam men-
jalani cara ini, ibu-ibu sering akan menghadapi kesakitan dan selalunya
berakhir dengan menghantar orang itu ke rumahsakit. Semasa menjalankan
kajian penulis cuba bertanya kepada penduduk-penduduk Dalam komuniti Pa-
rit Setongkat ini akan siapakah yang mereka tahu pandai menjalankan peng-
guguran ini, tetapi mereka mengatakan buat masa sekarang mereka tidak ta-
hu siapa yang pandai, tetapi pada masa dahulu ada juga terdapat orang yang
pandai yang sekarang ini orang itu telah meninggal dunia. Mengikut kete-
rangan responden, pada masa sekarang kebanyakan orang-orang Melayu telah
pergi ke hospital-hospital untuk mendapatkan rawatan.

Kalau cara yang tersebut diatas hanya boleh dilakukan oleh orang
orang ^{tertentu} sahaja, ada juga cara lain yang boleh dilakukan ibu itu sen-
diri. Ibu-ibu tersebut boleh memakan air buah nenas yang masih muda yang
diparut dan diperah kan airnya. Air ini dicampurkan dengan ragi atau ta-
was dan kemudian diembunkan selama satu malam. Pada keesokan harinya se-
belum ibu ibu itu memakan apa-apa lagi, hendaklah ia meminum air yang te-
lah diembunkan itu. Oleh kerana air nenas muda serta ragi tadi tajam,
maka ada kala nya ibu tersebut dapat menggugurkan kandungan nya. Ini juga
dengan syarat ibu itu baru mengandung sebulan dua.

Oleh kerana penulis dapati penduduk-penduduk dalam komuniti ini
telah mengamalkan perancang keluarga dengan menggunakan salah satu dari
cara-cara tradisional ini, maka penulis cuba melihat punca-punca dari-
mana ibu-ibu ini mengetahui tentang cara-cara perancang keluarga tradi-
sional ini. Punca-punca yang paling terkenal sekali ialah ibu-ibu res-
ponden sendiri, saudara mara dan rakan-rakan. Kebanyakan daripada respon-

den-responden mengatakan mereka lebih senang dan tidak malu bercakap dengan terus-terang dengan rakan-rakan mereka mengenai cara-cara perancang keluarga daripada punca-punca yang lain. Hanya sebilangan kecil sahaja yang tidak malu bertanya kepada ibu-ibu mereka sendiri dan mereka ini terdiri daripada mereka-mereka yang bersekolah. Apabila ditanya bilakah masa nya mereka mengetahui tentang perancang keluarga ini, penulis dapati lebih dari 75% daripada responden-responden ini mengatakan pengetahuan tentang perancang keluarga ini hanya diketahui selepas berkahwin sementara yang lain sudah mengetahuinya lebih awal lagi iaitu sebelum berkahwin.

Walaupun perancang keluarga digalakkan dalam masyarakat Melayu tradisional tetapi pengetahuan mengenai cara-caranya agak susah didapati kerana sumber-sumber dimana ilmu-ilmu itu boleh didapati selalu tertutup untuk jenerasi-jenerasi baru mengetahuinya. Dengan keadaan begini, apabila perancang keluarga secara moden diperkenalkan kedalam komuniti ini, penduduk penduduk dalam komuniti ini tidak keberatan untuk menerimanya. Satu daripada sebab penting atas penerimaan orang-orang Melayu terhadap cara-cara moden ini lebih mudah diketahui bagaimana penggunaannya dan lebih mudah diamalkan.

Dalam komuniti dimana penulis menjalankan kajian terdapat 73.3% daripada responden-responden yang mengamalkan perancang keluarga baik cara tradisional maupun cara moden. Dalam huraian selanjutnya penulis akan membincangkan faktor-faktor yang mempunyai pengaruh dalam menentukan siapa kah orang yang menerima perancang keluarga secara moden dan secara tradisional.

B. FAKTUR-FAKTUR YANG MEMPENGARUHI PENERIMAAN

Dalam kajian ini, penulis dapati disamping faktor-faktor lain, faktor-faktor pelajaran, ekonomi dan sosial adalah memainkan peranan penting dalam mempengaruhi responden-responden dalam menentukan samaada mereka mahu menerima perancang keluarga atau tidak dan apakah cara-cara yang mereka mahu gunakan.

1). Faktor Pelajaran.

Dalam jadual 1 dibawah ditunjukkan hubungan diantara ting-
kat pelajaran dengan saiz keluarga dan cara yang digunakan untuk menentu-
kan saiz keluarga.

JADUAL 1: CARA-CARA PERANCANG KELUARGA DAN SAIZ KELUARGA MENGIKUT TARAF
PELAJARAN.

Taraf Pelajaran	Bilangan isteri	%	Saiz keluarga yang Terbanyak	Cara-cara yang digunakan
Tidak bersekolah	10	45.5	Maxima (1)	moden
Rendah	5	22.7	Average (2)	Moden & Tradisional
Menengah	3	13.6	Minima (3)	Moden & Tradisional
Maktab / (4)				
Universiti	4	18.2	Average	Moden
JUMLAH	12	100		

Isteri-isteri yang tidak bersekolah kebanyakannya mempunyai anak yang ramai adalah disebabkan mereka-mereka ini ada banyak masa lapang di rumah dan dengan itu mempunyai keupayaan untuk menjaga anak. Mereka-mereka ini tidak bekerja selain dari menguruskan rumah tangga. Kalau pun mereka ingin hendak menghadkan bilangan anak mereka tetapi mereka enggan

1. Bagi saiz keluarga yang maksima ianya mempunyai anak lebih dari 8 orang.
2. Keluarga yang mempunyai anak diantara 4 hingga 8 orang.
3. Keluarga yang mempunyai anak diantara 1 hingga 3 orang.
4. Bagi istilah maktab/universiti disini penulis maksudkan mereka-mereka yang mempunyai kelulusan disalah sebuah pusat pengajian tinggi dinegara ini atau dinegara-negara lain.

menghadkan hingga kesaorang dua anak saja kerana bagi mereka bilangan anak yang patut diperolehi oleh sesabua keluarga itu adalah diantara 4-6 orang. Disini kita dapati "ideal family" bagi mereka adalah keluarga yang mempunyai 4-5 orang anak. Isteri-isteri dalam kategori ini selalunya tidak merancang keluarga mereka. Kalau mereka mula merancang keluarga mereka adalah setelah mereka tidak mahu melahirkan anak lagi, dengan itu mereka telah pergi kekelinik-kelinik perancang keluarga untuk meminta nasihat. Kebanyakan daripada ^{mereka} memakan pil dan ada seorang responden yang terus menjalani pembedahan sterilisasi. Bedanya golongan ini dengan golongan isteri-isteri yang lain ialah tujuan mereka mengamalkan perancang keluarga ialah untuk berhenti daripada melahirkan anak.

Bagi isteri-isteri yang berpelajaran, mereka berpendapat sesebuah keluarga itu mestilah merancang keluarga mereka demi kepentingan mereka dan anak-anak mereka. Kebanyakan daripada isteri-isteri yang mempunyai pelajaran sekolah menengah dan maktab terdiri daripada guru. Ada juga yang jadi kerani dan jururawat. Isteri-isteri yang bekerja mempunyai anak yang kurang dari isteri-isteri yang tidak bekerja. Hubungan isteri-isteri yang bekerja dengan kelahiran anak adalah agak kompleks. Ada isteri-isteri yang mahu menghadkan bilangan anak dalam keluarga oleh kerana kemahuannya untuk bekerja dan ada isteri-isteri yang tidak mampu mempunyai anak yang ramai kerana mempunyai tanggung-jawab lain diluar rumah. Isteri-isteri yang telah mempunyai pengalaman bekerja yang lama didapati menghendaki anak yang sedikit daripada isteri-isteri yang tidak mempunyai pengalaman atau yang mempunyai pengalaman bekerja yang singkat. Disamping itu terdapat juga kaitan antara pengalaman kerja dengan bilangan anak yang dikatakan ideal bagi sesebuah keluarga Melayu yang sederhana. Bilangan yang dikatakan ideal adalah lebih kecil daripada yang dikatakan oleh isteri-isteri yang tidak bekerja. Bilangan anak-anak yang isteri-isteri yang bekerja ini kehendaki adalah lebih kecil. Ini adalah pengalaman bekerja semasa berkahwin ada kaitan bukan sahaja dengan nilai-nilai isteri itu tentang saiz keluarga tetapi juga dengan kemampuan mereka untuk mempunyai bilangan yang dikehendaki. Isteri-isteri yang tidak bekerja semenjak mereka berkahwin menjangka untuk mendapat bilangan anak yang sama seperti yang telah mereka katakan ketika ditembual tetapi isteri-isteri yang telah be-

kerja menjangka untuk mendapat bilangan anak yang kurang daripada apa yang dikehendaki. Lagipun isteri-isteri yang bekerja ini apabila mereka menggunakan cara-cara perancang keluarga, tujuan mereka adalah untuk menjarangkan kelahiran anak-anak mereka dan bukan untuk berhenti langsung daripada melahirkan anak. Sebab itu tidak seorangpun daripada isteri-isteri yang mempunyai pelajaran menjalani pembedahan sterilisasi. Isteri-isteri yang terpelajar ini disamping mempergunakan cara-cara moden, masih juga mempercayai cara-cara tradisional dan kadangkala mempraktikkan.

Satu lagi sebab mengapa isteri-isteri yang tidak bekerja mempunyai anak yang ramai ialah kebanyakan daripada mereka ini berkahwin dalam usia yang masih muda. Dalam komuniti dimana penulis menjalankan kajian ada setengah-setengah isteri yang telah berkahwin sejak berumur 15 tahun.

Bila perbandingan dibuat atas dasar taraf pelajaran yang diperoleh oleh suami-suami mereka, perbezaan dalam bilangan anak yang dikehendaki adalah kecil. Kenyataan ini menunjukkan latarbelakang pelajaran bagi suami-suami mempunyai kurang pengaruh keatas saiz keluarga. Terdapat suami-suami yang mendapat pelajaran dimaktab/universiti memikirkan mereka mampu mempunyai lebih anak dari suami-suami yang tidak bersekolah. Ini disebabkan suami-suami tadi mempunyai pekerjaan yang lebih baik dari suami-suami yang bekerja sebagai penarik beca umpamanya.

11). Faktor Ekonomi.

Faktor ekonomi yang paling memberi kesan keatas saiz keluarga orang-orang Melayu dan cara-cara perancang keluarga yang digunakan ialah pendapatan bulanan suami penerima. Didalam jadual 11 dibawah ditunjukkan hubungan diantara faktor pendapatan bulanan suami penerima dengan saiz keluarga dan cara-cara yang mereka gunakan.

Keluarga-keluarga yang pendapatan bulanan suami mereka kurang dari \$200 terdiri daripada pekerja-pekerja kilang, boroh kasar, pelayan rumahsakit dan penarik beca. Bila ditanyakan sebab mengapa mereka mempunyai anak yang ramai, antara sebab-sebab yang mereka berikan kepada pe-

**Jadual 11: CARA-CARA PERANCANG KELUARGA DAN SAIZ KELUARGA MENGIKUT
PENDAPATAN BULANAN SUAMI PENERIMA.**

Pendapatan bulanan	Bilangan suami	%	Saiz Keluarga yang terbanyak	Cara-cara yang digunakan,
\$100 kebawah	7	31.8	meksima	tidak merancang
\$100-\$199	8	36.4	average	moden
\$200-\$299	3	13.6	meksima	tradisional
\$300-\$399	2	9.1	average	moden & tradisio nal.
\$400 keatas	2	9.1	average	moden
JUMLAH	22	100.00		

mulis ialah mereka suka kepada anak yang ramai dan anggota keluarga yang besar. Lagipun mereka ini kurang mempunyai pengetahuan tentang cara-cara bagaimana kelahiran dapat dicegah. Kalau mereka tahu pun, mereka tidak ambil berat kerana kebanyakan cara-cara ini memerlukan wang sedangkan pendapatan mereka tidak mencukupi. Bila ditanya samaada mereka tahu akan cara-cara tradisional yang digunakan oleh orang-orang Melayu untuk mencegah kehamilan, kebanyakan dari mereka mengatakan yang mereka tidak berapa jelas tentang hal ini. Walau pun mereka tidak menafikan bahawa mereka pernah mendengar tentang ilmu-ilmu penjarang anak tetapi mereka tidak tahu bagaimana hendak mengamalkannya. Tentang ubat-ubat Melayu pula mereka mengatakan yang mereka tidak mampu membeli ubat-ubat itu yang mesti pula dimakan selalu. Dari bidan-bidan kampung, penulis dapati bahawa harga ubat-ubat ini agak mahal juga dan bagi seorang isteri kepada penarik beca yang berpendapatan \$4 sehari untuk menampung 10 orang anak, tentu sekali tidak mampu untuk membeli ubat-ubat itu. Isteri-isteri yang tidak berkemampuan ini kebanyakannya menyerah sahaja kepada Tuhan kerana

mengikut pendapat mereka bilangan anak yang bakal dilahirkan oleh seseorang ibu itu memang sudah ditentukan oleh Tuhan, dan dengan itu setiap bayi yang lahir didunia ini sudah diberi Tuhan akan rezekinya. Secara kebetulan pula isteri-isteri ini terdiri dari mereka-mereka yang mempunyai sedikit pelajaran dan mereka berpegang teguh kepada ajaran Islam yang mengatakan kalau Allah berkuasa menjadikan manusia, maka Dia jugalah yang berkuasa menjadikan makanan untuk manusia yang ramai itu.⁵

Penerima-penerima yang suami mereka mempunyai pendapatan bulanan yang lebih dari \$400 terdiri daripada kakitangan kerajaan seperti guru dan mereka ini mempunyai bilangan anak yang sedikit daripada isteri-isteri yang pendapatan bulanan suami mereka lebih rendah. Mereka ini bukan setakat mempunyai anak yang lebih kecil semasa penyelidikan dijalankan tetapi mereka menjangkakan untuk mendapatkan saiz keluarga yang lebih kecil apabila keluarga mereka sudah sempurna.

iii). Faktor-Faktor Lain.

Selain daripada faktor ekonomi dan pelajaran yang mempengaruhi saiz keluarga seseorang itu, penulis dapati ada juga faktor-faktor sosial yang lain, yang menentukan samaada seseorang itu mahu merancang keluarga mereka atau tidak. Ada diantara responden-responden yang ditemubual menyatakan anak-anak adalah penting dalam sebuah rumahtangga untuk menambahkan lagi kebahagiaan rumahtangga serta mengekalkan tali perkahwinan antara suami isteri itu. Anak itu dikatakan sebagai hadiah dari Tuhan dan kelahiran anak itu dikatakan sebagai memberi implikasi bahawa kedua suami isteri itu telah menjalani kehidupan yang suci semasa perkahwinan mereka. Dengan itu setiap kelahiran dalam kampung menjadi tumpuan bagi ahli-ahli masyarakat yang lain. Melihat dari perspektif ini, maka fahamlah kita bahawa ketibaan anak itu adalah satu-satu yang ditunggu oleh masyarakat kampung terutamanya keluarga dari kedua belah pihak suami dan isteri tadi.

Setengah isteri-isteri pula memandang anak-anak itu sebagai

5. Quran, surah Hud, ayat 6, dipetik dari artikel majalah Kiblat, Januari, 1974.

modal ekonomi. Adalah rasional jika mereka mengatakan bahawa oleh kerana mereka kekurangan kekayaan material sebagai ganti mereka dikurniakan dengan kelebihan anak. Pandangan isteri-isteri ini bertambah kukuh oleh kerana disokong dengan faktor kegunaan anak dari segi ekonomi. Anak-anak perempuan yang sudah besar selalunya menolong isteri-isteri tadi dalam menguruskan soal rumahtangga. Dengan ini ianya bukan sahaja tolong meredakan sedikit beban ibu-ibu tadi tetapi dengan adanya pertolongan dari anak-anak tadi, isteri-isteri ini tidak perlu menggaji orang lain untuk menolong mereka. Dengan yang demikian secara tidak langsung dapat mengurangkan perbelanjaan rumahtangga.

Jika anak-anak perempuan isteri-isteri dalam kerja-kerja dapur anak-anak lelaki pula apabila sudah besar dapat membantu suami-suami tadi dalam mencari nafkah hidup. Sumbangan yang berguna ini merupakan satu 'cultural attribute' bagi orang-orang Melayu dikampung ini. Anak-anak ini bukan menolong setakat ini sahaja, tetapi kedua ibu bapa mereka masih mengharapkan pertolongan mereka semasa hari tua. Responden-responden yang ditemubual ini mengatakan sekiranya mereka mempunyai anak yang ramai, mereka tidak akan susah pada hari tua nanti kerana akan ada tenaga-tenaga yang kuat yang akan memelihara mereka. Tenaga-tenaga yang kuat disini dimaksudkan anak-anak mereka yang bakal menjadi pelindung kepada mereka pada hari tua nanti. Keadaan dimana anak-anak memelihara ibu bapa apabila mereka sudah tua ini merupakan keadaan yang lazim didapati dalam masyarakat Melayu. Ini ada kaitan dengan konsep 'membalas jasa' orang-orang tua yang telah bersusah payah memelihara mereka dari sejak dilahirkan hingga dewasa. Anak-anak yang tidak mengambil berat tentang ibu bapa mereka pula sebaliknya dicap sebagai anak yang tidak mengenang jasa. Cemohan begini merupakan "sanction" yang kuat dalam masyarakat Melayu.

Satu lagi faktor sosial yang menyebabkan anak-anak yang dilahirkan lebih dari bilangan yang perlu ialah konsep seimbang atau "balance" yakni keluarga itu seimbang sekiranya keluarga itu mengandungi anak lelaki dan anak perempuan. Sekiranya suami isteri itu tidak mempunyai anak lelaki dan anak perempuan, keluarga itu dikatakan belum sempurna lagi. Jika keluarga itu tidak mempunyai anak perempuan disamping anak lelakinya, maka isteri itu akan terus mengandungi dengan harapan kali ini akan dapat anak

perempuan. Kadang-kadang apabila tidak dapat juga, suami isteri itu akan mengambil anak angkat perempuan dengan harapan anak yang bakal dilahirkan nanti merupakan seorang anak perempuan. Ini akan berlanjutan sehingga cita-cita isteri itu tercapai dan dalam hal ini bilangan anak akan melebihi dari bilangan yang dikehendaki.

C. PENERIMAAN DAN PENGGUNAAN PERANCANG KELUARGA SECARA MODEN.

Diantara 22 orang responden (73.3%) yang merancang keluarga mereka terdapat 12 orang (54.5%) yang merancang keluarga mereka dengan menggunakan cara-cara moden. Ini menunjukkan lebih daripada separuh mereka ini sudah menerima dan mengamalkan cara-cara moden ini. Dengan itu boleh dikatakan perancang keluarga moden ini berjaya dalam Komuniti Parit Setongkat ini. Dalam jadual lll penulis menunjukkan bilangan penerima keatas cara-cara moden yang terdapat sekarang dinegara kita.

Jadual lll: BILANGAN PENERIMA YANG MENGGUNAKAN CARA-CARA MODEN YANG TERDAPAT SEKARANG.

Cara Moden	Bilangan Ibu	%
Pil	7	58.3
Sarung getah	2	16.7
Alat dalam rahim IUD	1	8.3
Masa selamat	1	8.3
Bahan kimia	0	0
Sterilisasi	1	8.3
Lapik rahim	0	0
JUMLAH	12	100.0

Antara mereka-mereka yang menggunakan pil ini terdiri dari isteri-isteri yang tidak bekerja, tidak mempunyai pelajaran yang tinggi dan pendapatan bulanan suami yang kecil. Isteri-isteri ini ada yang sudah mempunyai ramai anak kerana sebelumnya mereka tidak mengamalkan perancang keluarga. Tetapi setelah rancangan perancang keluarga menyedarkan mereka tentang kepentingan merancang keluarga, maka mereka mulai ingin hendak menjarangkan anak-anak mereka yang kemudian. Ini menunjukkan bahawa lebih ramai orang yang tidak berpelajaran atau yang berpelajaran rendah mengamalkan perancang keluarga.

Cara yang paling mudah dan berkesan yang dinasihati oleh para doktor dan kakitangan kelinik perancang keluarga ialah pil. Oleh kerana pil ini murah dan kadang-kadang diberi percuma kepada mereka-mereka yang tidak mampu membelinya, maka pil yang dimakan terus ini menjadi cara yang paling digemari ramai.

Oleh kerana penulis melihat isteri-isteri yang memakan pil ini ada yang telah mempunyai anak yang sudah lebih dari kemampuan mereka, penulis telah bertanya kenapa mereka tidak terus menggunakan cara-cara sterilisasi atau IUD dimana kemungkinan mereka tidak mengandung lagi adalah dijamin dengan sepenohnya. Jawapan yang diterima ialah mereka mengatakan cara IUD ini mungkin merbahaya kepada diri orang yang memakainya kerana untungan itu dimasukkan kedalam rahim. Cuma seorang saja yang menggunakan cara IUD ini kerana orang ini tidak mempunyai kesihatan yang baik selepas melahirkan anaknya yang keempat. Oleh kerana mungkin ia mahukan anak lagi setelah ia sihat kembali, sebab itulah ia menggunakan IUD ini dan tidak menjalani pembedahan sterilisasi. Seorang responden lagi terus menjalani pembedahan sterilisasi setelah ia melahirkan anaknya yang keenam. Ini disebabkan ia dan suaminya telah merasa cukup dengan bilangan anak yang ada dan tidak mahukan anak lagi kerana memandangkan suaminya hanya seorang penggunting rambut yang mempunyai pendapatan yang kecil. Setengah-setengah tidak mahu langsung menggunakan cara sterilisasi ini kerana cara ini adalah bertentangan ^{dengan} ajaran Islam. Sebab itulah cara ini tidak begitu terkenal dikalangan orang-orang Melayu.

Cara pemakaian sarung getah (Condom), lapik rahim (Diaphragm)

dan bahan-bahan kimia seperti buih, jeli atau pil buih tidak berapa terkenal dikalangan orang-orang Melayu dalam komuniti ini kerana mereka masih belum faham dengan penggunaan cara-cara ini. Ada seorang dua yang pernah mendengar cara-cara ini terdiri dari mereka-mereka yang mempunyai pelajaran tinggi. Mereka-mereka lebih terdedah kepada perkembangan perancang keluarga melalui pembacaan-pembacaan, alat-alat sebaran am dan lain lain sumber. Dengan yang demikian mereka dapat memilih antara banyak-banyak cara akan cara yang sesuai dengan mereka. Dengan adanya pemilihan yang waras ini, penulis tidak banyak mendapati sungutan-sungutan tentang akibat-akibat sampingan daripada penggunaan cara-cara perancang keluarga daripada mereka yang tidak mempunyai pelajaran tinggi. Ini disebabkan mereka-mereka yang tidak bersekolah menerima saja apa yang diberikan kepada mereka tanpa memikirkan samaada cara itu sesuai atau tidak dengannya. Setelah menggunakan buat beberapa lama, umpamanya setelah memakan pil penjarang anak selama 2 atau 3 tahun, baharulah mereka sedar yang mereka terkena akibat-akibat sampingan daripada pil itu. Selepas terasa akibat-akibat ini, kebanyakan daripada ibu-ibu ini tidak pergi berjumpa dengan doktor untuk diperiksa. Sebab inilah ada diantara mereka terus berhenti dari menggunakan pil ini.

Sungguh pun cara masa selamat merupakan satu cara yang mudah tetapi penulis dapati cara ini juga tidak berapa terkenal dikalangan masyarakat Melayu. Ini disebabkan kesulitan-kesulitan yang mesti dihadapi oleh mereka-mereka yang ingin mencubanya dalam membuat kiraan hari selamat dan hari tidak selamat. Bagi mereka-mereka yang pernah bersekolah tidak ada masalah, tetapi bagi mereka-mereka yang buta huruf, agak susah hendak diajarkan cara ini. Lagi pun cara ini tidak dapat digunakan oleh semua isteri-isteri kerana cara ini memerlukan tarikh pusingan haid yang tetap.

Satu lagi gambaran yang jelas dilihat dalam penerimaan cara-cara moden ini ialah cara-cara moden ini lebih banyak diterima oleh isteri-isteri yang datang dari kumpulan umur yang lebih muda dari isteri-isteri yang sudah tua. Muda disini penulis maksudkan dibawah umur 30 tahun. Ini menunjukkan lebih ramai lagi orang-orang yang mempunyai keluarga yang kecil sekarang ini menerima perancang keluarga, jadi kesuburan bolehlah dijangka akan menurun.

Disamping ini, dalam komuniti Parit Setongkat ini terdapat juga isteri-isteri yang menggunakan kedua-dua cara ini untuk merancang keluarga mereka. Mereka ini sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan kedalam komuniti ini, telah menggunakan cara-cara tradisional. Mereka baru mencuba cara-cara moden ini sejak 4 atau 5 tahun yang lalu. Apabila ditanya sebab mengapa mereka berbuat demikian, mereka mengatakan cara tradisional yang pernah digunakan dulu tidak berapa berkesan, dengan itu mereka hendak mencuba cara-cara moden pula dan mengikut pendapat mereka, semenjak mereka menggunakan cara moden ini, mereka belum mengandung lagi.

Ada setengah-setengah responden pula mencuba cara tradisional setelah berhenti dari menggunakan cara moden. Mengikut kata mereka walaupun cara-cara moden yang mereka gunakan itu amat berkesan umpamanya pil tetapi cara ini ada akibat sampingan keatas dirinya seperti sakit kepala, gemok dan mabuk-mabuk. Dengan itu mereka berhenti dari memakan pil penjarang anak, dan memakan ubat-ubat Melayu pula hingga masa ia ditemubual. Dengan ini penulis mendapati orang-orang Melayu ini menerima perancang keluarga secara moden ini tetapi tidak semestinya mereka mengamalkan.

Ini terdiri dari suri-suri rumah tangga belaka iaitu mereka tidak mempunyai pekerjaan-pekerjaan lain selain dari menguruskan rumah tangga. Separuh dari isteri-isteri ini mempunyai anak lebih daripada 9 orang dan seorang daripada mereka pernah ditemubual telah mempunyai 11 orang anak tetapi semua ditemubual ia mengatakan yang ia masih mahu anak lagi kalau diberi talak. Isteri-isteri yang lainnya tidak merancang keluarganya kerana semua anak-anaknya sudah jarang-jarang antara satu sama lain. Antara sebab-sebab yang diberikan mengapa isteri-isteri yang mempunyai anak yang ramai ini tidak merancang keluarga mereka, adalah seperti suami mereka tidak membenarkannya menghasilkan bilangan anak mereka kerana ia mahu keluarga yang besar; isteri-isteri itu sendiri mahu anak yang ramai, dan masih ada juga antara-antara mereka yang ragu-ragu untuk memperaktiskan perancang keluarga kerana khawatir akan mengganggu kesihatan dirinya dan juga kesihatan diri anak-anaknya. Mengikut kata isteri-isteri, perancang keluarga itu bukan sesuatu yang mesti diamalkan oleh setiap ibu, ia hanya berpulang kepada seseorang untuk menentukan apakah ia mahu mengamalkan perancang keluarga atau tidak. Selalunya pertara

BAB IV

SIKAP ORANG-ORANG MELAYU TERHADAP CARA-CARA
PERANCANG KELUARGA MODEN.

Dalam bab ini, penulis cuba memberi sedikit gambaran tentang sikap atau pandangan orang-orang Melayu mengenai perancang keluarga secara moden. Istilah sikap itu secara amnya merujuk kepada keputusan-keputusan yang didasarkan kepada sebab atau perasaan dan selalunya gabungan kedua-dua faktor ini. Sikap ini selalunya disedari oleh seseorang itu dan ianya boleh bertukar dan juga boleh mempengaruhi orang-orang lain dalam memilih perkara-perkara yang kontroversi, umpamanya 'issue-issue' politik, idea-idea keagamaan dan amalan-amalan seperti perancang keluarga.

A. Isteri-Isteri Yang Tidak Merancang Keluarga.

Antara 30 orang responden yang penulis temubual sebagaimana yang dijelaskan terdapat 8 orang (26.6%) yang tidak merancang keluarga mereka. Mereka ini terdiri dari suri-suri rumahtangga belaka iaitu mereka tidak mempunyai pekerjaan-pekerjaan lain selain dari menguruskan rumahtangga. Separuh dari isteri-isteri ini mempunyai anak lebih daripada 9 orang dan seorang daripada mereka semasa ditemubual telah mempunyai 11 orang anak tetapi semasa ditemubual ia mengatakan yang ia masih mahukan anak lagi kalau diberi Tuhan. Isteri-isteri yang lainnya tidak merancang keluarganya kerana memang anak-anaknya sudah jarang-jarang antara satu sama lain. Antara sebab-sebab yang diberikan mengapa isteri-isteri yang mempunyai anak yang ramai ini tidak merancang keluarga mereka, adalah seperti suami mereka tidak membenarkannya menghadkan bilangan anak mereka kerana ia sukakan keluarga yang besar; isteri-isteri itu sendiri mahukan anak yang ramai, dan masih ada juga antara-antara mereka yang ragu-ragu untuk memperaktiskan perancang keluarga kerana khuatir akan mengganggu kesihatan dirinya dan juga kesihatan diri anak-anaknya. Mengikut kata isteri-isteri, perancang keluarga itu bukan sesuatu yang mesti diamalkan oleh setiap ibu, ianya terpulang kepada seseorang untuk menentukan samada ia mahu mengamalkan perancang keluarga atau tidak. Selalunya perkara

perancang keluarga ini berkait rapat dengan keadaan ekonomi rumah tangga, bilangan anak yang sudah dipunyai dan juga tingkat pelajaran yang diperolehi oleh sesaorang serta keadaan sosial disekelilingnya umpamanya bilangan anak yang standard pada masa itu dan pengaruh norma-norma masyarakat. Antara sebab-sebab lain yang diberikan oleh isteri-isteri ini tentang keengganan mereka merancang keluarga ialah kerana mereka datang dari saiz keluarga yang besar, dengan itu jika mempunyai bilangan anak yang sedikit mereka akan merasa kesunyian.

Mengikut keterangan lanjut dari isteri-isteri ini, sekiranya mempunyai bilangan anak yang ramai, ini juga adalah satu kebaikan kepada anak-anak itu sendiri dalam ertikata anak-anak itu boleh belajar hidup beramai-ramai dengan harmoni dan tolong-menolong antara satu sama lain. Ada pula antara isteri-isteri yang tidak merancang keluarga ini mengatakan perkara mengandung itu terjadi dengan sendirinya kerana ini bukan kehendak mereka tetapi adalah kehendak Tuhan kerana Tuhan yang berkuasa menjadikan anak. Tentang saiz keluarga besar dan saiz keluarga kecil ini terpulang kepada pandangan sesaorang, umpamanya isteri-isteri yang datang dari keluarga orientasi yang kecil menganggap keluarga yang mempunyai anak antara 6-8 orang itu sudah besar tetapi bagi isteri-isteri yang datang dari keluarga orientasi yang besar, bilangan anak yang seumpama itu adalah saiz keluarga yang sederhana dan saiz keluarga yang besar adalah keluarga-keluarga yang mempunyai anak yang lebih daripada 11 atau 12 orang.

Mengenai pandangan mereka keatas perancang keluarga secara moden ini, setengah daripada mereka mengatakan cara-cara moden seperti pil, alat lapik rahim dan sarung getah adalah lebih selamat dari cara-cara lain, tambahan pula ianya murah, mudah didapati dan berkesan sekali. cara-cara ini kata mereka bukanlah bertujuan untuk membunuh bayi dalam kandungan tetapi sekadar mencegah kehamilan daripada berlaku. Ada juga antara mereka yang tidak merancang keluarga tidak bersetuju dengan penggunaan cara-cara moden ini. Mengikut kata mereka, cara-cara moden ini lebih merbahaya daripada cara-cara tradisional kerana sungguhpun alat-alat merancang keluarga cara moden ini lebih berkesan dan mudah digunakan daripada cara-cara tradisional, tetapi disebalik kebaikannya ada juga keburukannya. Satu kenyataan yang jelas tentang keburukan cara-cara

moden ini adalah akibat-akibat sampingannya yang kadang-kadang boleh mendatangkan keadaan yang kurang baik kepada ibu dan anak itu sekali. Pil umpamanya pada setengah-setengah wanita membuatkan mereka rasa mabuk, pening dan kadang-kadang membuatkan mereka samaada terlalu gemok atau terlalu kurus. Cara-cara IUD atau untingan pula kadang-kadang membuatkan setengah-setengah isteri mendapat haid yang berlebihan. Isteri-isteri yang menjalani pembedahan sterilisasi pula akan mengalami perasaan berdosa kerana melakukan pemandulan oleh sebab cara ini adalah bertentangan dengan ajaran Islam. Isteri-isteri yang menentang penggunaan cara-cara moden ini menambah hujjah mereka tentang keburukan memakan pil perancang keluarga ini dengan mengemukakan beberapa contoh dimana terjadi keadaan dimana anak-anak yang dilahirkan selepas memakan pil itu sentiasa mendapat sakit, anak itu kurang cergas dan ada yang cacat anggota badannya dan tidak kurang pula bayi yang mati sejurus selepas ia dilahirkan.

Kejadian-kejadian seperti ini belum lagi dibuktikan oleh para doktor pada masa ini sebagai akibat daripada pil perancang keluarga tetapi orang-orang Melayu yang tinggal didesa-desa telah merujukkan keadaan ini sebagai contoh keburukan pil penjarang anak sebagai salah satu cara moden. Mengenai punca-punca dimana mereka tahu akan akibat-akibat sampingan cara-cara moden ini mereka mengatakan maklumat ini didapati dari rakan-rakan sekampung mereka yang pernah mengamalkan cara-cara moden ini dan pernah mengalami akibat-akibat sampingan itu. Keadaan seperti ini menyebabkan ramai daripada isteri-isteri yang mencuba cara-cara moden ini berhenti daripada terus mengamalkannya.

Keterangan lanjut berkenaan dengan akibat-akibat sampingan cara-cara moden ini telah didapati daripada jururawat-jururawat yang bertugas di klinik perancang keluarga daerah Muar. Mengikut perangkaan yang penulis dapati dari kajian yang dibuat oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara di Muar tentang angka-angka penerima, penerima sementara, penerima ulangan dan penerima lanjutan untuk klinik Lembaga Perancang Keluarga Negara bagi bulan Desember 1973, bagi orang-orang yang mendapat perkhidmatan di Rumahsakit Besar, Muar, daripada 1030 Orang isteri-isteri yang menggunakan cara-cara moden, angka penerima adalah 35 orang, angka

penerima sementara adalah 19 orang, angka penerima ulangan adalah 379 orang dan angka penerima lanjutan adalah 594 orang. Daripada perangkaan ini kita dapati hanya 19 orang sahaja dari 1030 orang yang menggunakan cara-cara moden yang berhenti mengamalkan perancang keluarga. Mengikut keterangan jururawat-jururawat ini, mereka yang berhenti menggunakan cara-cara moden ini adalah kerana cara-cara ini tidak sesuai dengan diri nya dan enggan pula mencuba cara-cara yang lain. Memang ada juga akibat-akibat sampingan daripada cara-cara moden ini tetapi ini disebabkan cara cara ini tidak sesuai dengan diri pemakainya. Khabar-khabar angin tentang akibat-akibat sampingan cara moden ini dengan lekas disebarkan kepada isteri-isteri yang lain dan ini menyebabkan isteri-isteri yang sedang mengamalkan rasa curiga dan bagi isteri-isteri yang belum pernah mengamalkannya rasa takut hendak mencubanya kerana takut umpamanya kena barah buah dada akibat dari memakan pil perancang keluarga dan sebagainya.

B. Bidan Kampung

Tentang sikap bidan-bidan kampung yang tinggal dalam komuniti Melayu dimana penulis menjalankan kajian, penulis dapati mereka tidak setuju langsung dengan cara-cara moden pada hari ini. Seorang bidan kampung yang ditemubual mengatakan cara-cara tradisional adalah lebih baik, tambahan pula cara-cara tradisional ini tidak pula memperlihatkan akibat-akibat sampingan sebagaimana yang terjadi dengan cara cara moden. Sungguhpun bidan-bidan kampung ini merupakan wanita-wanita yang tidak terpelajar dan agak berumur, tetapi mereka ini lebih mengetahui akan cara-cara untuk merancang keluarga melalui pengalaman yang lama dalam menyambut anak dengan cara yang tradisional dan menjaga orang orang yang baru bersalin. Bidan-bidan kampung ini amat cergas dan berpengaruh dalam masyarakat kampung. Menyambut anak yang baru dilahirkan dan menjual ubat-ubat Melayu merupakan kerja bidan ini setiap hari dan inilah mata pencarian mereka. Dengan itu, oleh kerana cara-cara moden ini bersaing dengan cara-cara tradisional yang mana pengaruh bidan-bidan kampung amat kuat, maka penulis dapati bidan-bidan kampung ini mempunyai prasangka terhadap cara-cara moden. Untuk menggalakkan orang orang kampung menerima perancang keluarga cara moden dengan berleluasan

bererti menutup peluang matapencarian mereka sendiri. Dengan ini apabila penulis dapati bahawa bidan-bidan kampung ini tidak bersetuju dengan cara-cara moden ini, mungkin sebab disebaliknya ialah kerana jika semua orang sudah pergi kekelinik untuk meminta nasihat, maka pengaruhnya dalam komuniti itu akan berkurangan dan mungkin akan lenyap langsung.

Tetapi pada masa ini pihak berkuasa kesihatan negara telah sedar akan kepentingan bidan kampung ini dalam masyarakat Melayu khasnya dan kedudukan sosial wanita-wanita ini didesa-desa. Langkah sedang diambil untuk memberi taraf resmi kepada mereka. Wanita ini diambil khususnya untuk rancangan kesihatan luar bandar dan perancang keluarga. Dalam satu kertas kerja yang dikeluarkan oleh Lembaga Perancang Keluarga Negara, ia mencedok dari satu lapuran Jawatan Kuasa Kesihatan Kanak-Kanak dan Ibu Majlis Kesihatan Kebangsaan, satu tinjauan kelamin pada 1966-1967 menunjukkan sebanyak 39% dari kelahiran desa dilakukan oleh bidan-bidan kampung. Disini didapati peranan penting yang dijalankan oleh bidan-bidan kampung.

Sebelum perancang keluarga diperkenalkan dikawasan-kawasan luar bandar, perkhidmatan kesihatan keluarga kebangsaan Semenanjung Malaysia telah membuat keputusan untuk menggunakan sebaik-baiknya bidan-bidan kampung dalam melatih orang-orang kawasan luar bandar akan cara-cara yang lebih moden serta menggunakan alat-alat perubatan yang sesuai. Sebelum itu bidan-bidan kampung ini telah sendiri mesti diberi latihan. Latihan seperti ini telah bermula ^{pada} Januari 1970. Kira-kira 1000 orang telah menjalani latihan tiga minggu yang dikhaskan untuk mereka. Memandangkan bahawa rancangan perancang keluarga kian berkembang kedaerah desa, bidan-bidan kampung ini dianggap boleh memainkan peranan yang berguna sebagai pendorong dalam bidang ini. Mereka sekarang selepas dilatih diberi peranan menggalakkan ibu-ibu dikawasan mereka menerima perancang keluarga. Latihan ini bertujuan memperkenalkan bidan-bidan itu dengan perancang keluarga dan rancangan pil penjarang anak. Tugas utama bidan ialah untuk mendapatkan orang-orang baru, menggalakkan lagi mereka yang terci-cir dan membekalkan ^{peranama} ~~perana~~ dengan pil yang diberi percuma. Jururawat kesihatan umum dan jururawat Lembaga menjadi penyelia bidan-bidan ini.

Bidan-bidan kampung menurut lapuran dari Lembaga Perancang

Keluarga Negara, menyambut baik rancangan ini. Ini disebabkan bidan-bidan ini diberi saguhati atau elaun oleh Lembaga ini pada tiap-tiap bulan sebagai mengganti matapencarian mereka yang semakin berkurangan. Dalam komuniti dimana penulis menjalankan kajian, penulis dapati seorang sahaja dari dua orang bidan kampung ini yang telah menerima latihan seumpama itu dan pada masa sekarang mereka tidak dibenarkan menyambut anak tanpa pengetahuan Lembaga ini dan semasa menyambut anak ini, jururawat-jururawat umum mesti turut hadir menyaksikan perkara ini. Mereka menerima elaun berjumlah 30 ringgit sebulan.

Pada masa ini, seramai 2,255 orang didapati telah menerima rancangan keluarga melalui usaha-usaha bidan-bidan kampung ini. Adalah dijangka dalam masa satu keturunan lagi, kesemua bidan-bidan kampung yang kesemua berjumlah kira-kira 3000 orang di Semenanjung Malaysia, akan digantikan dengan kakitangan perubatan terlatih. Tetapi buat sementara waktu, bidan-bidan itu memainkan peranan mereka melalui kesihatan mereka dan amnya, perancang keluarga khasnya. Dengan sokongan cergas mereka, maka akan lebih mudah tercapainya matlamat kerajaan dalam bidang ini iaitu menjelang 1978 seluruh Semenanjung Malaysia akan diliputi dengan rancangan perancang keluarga supaya pada 1985 kadar kelahiran tahunan bayi dinegeri ini akan diturunkan kepada 2% dari kadar sekarang sebanyak 2.5%.

C. Isteri-Isteri Yang Merancang Keluarga.

Bagi isteri-isteri yang merancang keluarga mereka dengan cara-cara yang tradisional, memberikan pendapat yang berbagai-bagai mengenai cara-cara perancangan keluarga moden. Ada yang mempunyai pandangan yang negatif sekali terhadap cara-cara moden ini. Mereka berpendapat kebanyakan daripada cara-cara moden seperti memakan pil penjarang anak, mengikat tempat peranakan dan menggunakan bahan-bahan kimia adalah merbahaya kepada tubuh badan orang yang menggunakannya. Sterilisasi dan pengguguran anak adalah bertentangan dengan agama Islam. Disamping itu ada juga mereka-mereka yang berpendapat bahawa cara-cara moden itu ada baiknya tetapi mereka tidak pernah mengamalkannya kerana mereka telahpun mengamalkan cara-cara tradisional yang sungguh berkesan atas diri mereka dalam merancang keluarga mereka.

Mengenai cara mendapat maklumat serta penerangan tentang cara cara moden ini dikalangan yang menerima cara-cara itu, hampir separuh dari isteri-isteri ini mengatakan mereka mendapat nasihat tentang penggunaan cara-cara moden ini dari kakitangan kelinik-kelinik perancang keluarga dan orang-orang inilah yang dianggap sesuai sekali untuk memberi nasihat dan penerangan. Sebab-sebab mengapa mereka mengatakan yang demikian ialah kerana kakitangan itu ialah orang-orang yang benar-benar mengetahui tentang perkara perancang keluarga kerana mereka sebelum bertugas telah diberi kursus dalam bidang ini. Lagipun mereka yang bertugas diklinik-klinik itu mempunyai masa yang cukup untuk memeriksa orang-orang yang datang untuk meminta nasihat. Dengan itu oleh sebab tugasnya ialah dalam bidang itu saja, maka ia dapat memberikan sepenuh perhatian kepada orang yang datang itu. Satu lagi sebab mengapa mereka memilih kakitangan kelinik ini sebagai orang yang sesuai untuk memberikan nasihat mengenai cara-cara moden ialah kebanyakan dari kakitangan ini terdiri dari orang-orang perempuan yang setengah daripada mereka itu sudah berkahwin. Dengan itu isteri-isteri yang pergi kekelinik-kelinik dengan tujuan untuk meminta nasihat tidak akan merasa malu kerana mereka bercakap dengan orang-orang yang sekaum ~~dengan~~ dengannya, lagi pun selalu kakitangan diklinik ini memahami akan tujuan orang-orang yang datang itu. Tambahan pula diklinik-klinik ini agak private juga dimana isteri-isteri dan kakitangan tadi dapat berbincang tanpa didengar oleh orang-orang lain.

Selain daripada kakitangan-kakitangan diklinik perancang keluarga, isteri-isteri ini juga mendapat penerangan mengenai cara-cara moden ini dari rakan-rakan mereka, doktor-doktor dirumahsakit dan diklinik-klinik persendirian; dan juga saudara mara mereka atau ahli-ahli keluarga yang lain umpamanya kakak dan kakak ipar. Isteri-isteri ini juga ditanya samaada mereka telah melihat atau membaca apa-apa mengenai cara-cara moden yang berlainan dalam suratkhbar atau majallah atau televisyen ataupun radio. Lebih kurang separoh dari mereka mengatakan mereka melihatnya dimajallah dan mendengar dari radio, 25% lagi tidak pernah membaca dimajallah tetapi mendengarnya melalui rakan-rakan dan penerangan yang diberi diklinik. Cara yang paling selalu didengari

ialah pil penjarang anak dimana semua isteri-isteri yang merancang keluarga ini pernah mendengarnya. Cara-cara moden yang lain tidak begitu terkenal dikalangan orang-orang Melayu melainkan seorang dua saja yang mengetahui cara-cara seperti lapik rahim dan bahan-bahan kimia.

Pil penjarang anak itu bukan sahaja merupakan cara pencegah kehamilan yang paling terkenal tetapi ianya juga merupakan perkara yang selalu dibincangkan secara informal dikalangan rakan-rakan dan saudara mara. Apabila isteri-isteri itu ditanya apakah cara atau metod yang mereka tahu digunakan oleh kebanyakan orang-orang yang mereka kenali, 50% mengatakan pil penjarang beranak, yang lain seperti metod kondom, IUD dan sterilisasi pernah juga mereka dengar dari rakan-rakan mereka yang mencubanya. Atas anggapan bahawa rakan-rakan mereka menggunakan metod-metod yang sama dengan mereka, jadi jika mereka itu gunakan cara-cara lain seperti withdrawal atau rythmn method, tidak mungkin mereka mengetahuinya.

Satu lagi gambaran yang jelas terdapat dikalangan isteri-isteri yang merancang keluarga ini ialah yang mana suaminya mempunyai pekerjaan yang baik (non-manual jobs), lebih cenderung untuk membincangkan perancang keluarga dengan professionals daripada isteri-isteri yang suami mereka bekerja sebagai buruh, penarik beca dan lain-lain, walaupun mereka ini mempunyai lebih ramai anak dari mereka-mereka yang dalam pekerjaan jenis non-manual. Trend ini jelas kelihatan diklinik-klinik perancang keluarga.

Isteri-isteri yang telah menggunakan cara-cara moden ini telah ditanya siapakah yang mencadangkan supaya mereka menggunakan metod-metod itu. Lebih separoh dari mereka yang telah mengambil pil penjarang anak mengatakan semua ini adalah cadangan suami- dan disetujui olehnya, sementara metod-metod lain tidak begitu meluas digunakan oleh isteri-isteri Melayu yang merancang keluarga secara moden ini. Tetapi penggunaan IUD adalah cadangan doktor dan disetujui juga oleh mereka.

Sebagai kesimpulan kita dapati bahawa rakan-rakan, saudara-mara merupakan punca penasihat yang lebih kerap mengenai pengawalan kelahiran daripada nasihat-nasihat orang-orang professional. Isteri-isteri yang mendapat pertolongan professional terdiri daripada dua golongan ia-

itu mereka yang mahukan nasihat mengenai perancang keluarga dan mereka yang sudah mempunyai ramai anak, lebih dari kemampuan, sehingga mereka diminta oleh doktor dirumahsakit supaya menerima perancang keluarga. Di samping ini masih ramai lagi isteri-isteri yang tidak mencuba mendapatkan nasihat mengenai perancang keluarga dan mereka ini pula tidak pernah ditemui oleh orang-orang professional yang tidak keberatan menolong mereka.

Antara cara-cara moden merancang keluarga yang terdapat di Malaysia adalah pil, kondom, IUD (untingan), lapik rahim (diaphragm), sterilisasi, bahan-bahan kimia dan masa selamat. Pil ini diperbuat dari hormon tiruan yang agak sama dengan hormon semula jadi yang dikeluarkan oleh tubuh semasa hamil dan ~~ianya hamil dan ianya~~ melarang sel telur yang dikeluarkan pada tiap-tiap bulan keluar dari ovari. Pil ini ada dalam bungkusan-bungkusan 20 atau 21 biji dan ada juga bungkusan yang mengandungi 7 biji pil zat besi sebagai pil tambahan. Oleh kerana cara ini paling mudah digunakan, tambahan pula harganya murah dan kadang-kadang dapat percuma, maka ramai wanita-wanita Melayu menggunakannya. Mereka yang menggunakan pil mengakui bahawa pil ini sungguh berkesan sekiranya dimakan mengikut arahan dengan teliti. Ramai wanita yang pada mula-mula memakannya merasa mabuk dan pening tetapi selepas itu ada kesan yang baik. Seorang dua yang pernah mengamalkan pil ini telah berhenti daripada memakannya pada masa ditemubual oleh penulis, kerana mengikut mereka, pil itu tidak sesuai dengan diri mereka, kerana sejak memakan pil penjarang anak ini, kesihatan mereka selalu terganggu. Pil ini pada pendapat wanita wanita Melayu tidak dilarang oleh agama Islam kerana tujuannya ialah untuk mengelakkan daripada mengandung.

Berkenaan pemakaian kondom iaitu sebuah sarung yang dibuat dari pada getah yang amat nipis untuk menyekat air mani daripada memasuki saluran peranakan dan dengan itu tidak dapat bertemu dengan telur. Alat ini mendapat juga persetujuan isteri-isteri yang merancang keluarga mereka dengan cara-cara moden. Tetapi ada diantara mereka mengatakan cara ini tidak begitu berkesan dan ada pula yang enggan memberi sebarang penerangan kerana merasa malu.

Antara 22 responden yang merancang keluarga secara moden ini,

hanya terdapat seorang sahaja yang merancang yang menggunakan alat dalam rahim ini. Alat dalam rahim ini diperbuat daripada bahan plastik, lembut dan tidak merbahaya dan ditempatkan dalam rahim oleh doktor-doktor sahaja. Ianya mencegah telur yang telah disenyawakan daripada melekat di dinding rahim. Mengikut keterangan responden yang menggunakan cara ini, tidak ada apa-apa kesulitan hasil dari pemakaian alat ini. Kebanyakan isteri yang merancang keluarga ini tidak mahu menggunakan alat IUD ini mengatakan mereka takut menggunakan alat ini kerana takut mengalami kesulitan ekoran dari kemasukan alat dalam rahim ini. Mereka ada mendengar khabar-khabar angin yang mengatakan orang yang memasukkan alat ini dalam rahim mereka akan mengalami beberapa kesulitan umpamanya merasa rengat dan mendapat haid yang berlebihan.

Tentang lapik rahim atau diaphragm yang digunakan oleh orang-orang perempuan untuk menyekat kemasukan air mani kedalam rahim, tidak begitu populer dikalangan orang-orang Melayu. Walaupun secara keseluruhan isteri-isteri Melayu ini menyambut baik akan rancangan penggunaan cara ini tetapi mereka mengatakan cara ini tidak berapa praktikal atau sesuai dengan orang-orang Melayu kerana mereka merasa leceh untuk memakai atau untuk mengeluarkan. Begitu juga dengan bahan-bahan kimia seperti buih, krim atau ubat biji tidak begitu disukai oleh isteri-isteri Melayu kerana ianya tidak begitu berkesan dalam menghalang kehamilan. Lagipun cara ini akan menimbulkan kesan seperti rasa panas apabila mengguna ubat biji atau buih ini.

Merancang dengan menggunakan masa selamat atau rythm method ini bukanlah cara yang baru diketahui kerana masa dahulu pun orang sudah mengetahui akan cara ini. Yang berbeza cuma masa ini lebih tepat untuk mengira hari selamat dan hari tidak selamat. Persetubuhan semasa ketiadaan sel telur tidak akan menyebabkan kehamilan. Cara ini hanya boleh digunakan oleh isteri-isteri yang mempunyai pusingan haid yang tetap dan tidak dapat digunakan oleh semua orang. Walau bagaimana pun cara ini tidak dapat diharapkan sangat berkesannya kerana kadang-kadang berlaku kesilapan dalam mengira hari. Kebanyakan isteri-isteri yang ditemubual mengatakan cara ini amat baik sekali jika dapat digunakan dengan betul ke-

rana kesan ini hanya memerlukan kekuatan disiplin diri sendiri dan tidak ada apa-apa kesan sampingan.

Cara sterilisasi ini agak diketahui ramai juga kerana apabila penulis menyebut sterilisasi ramai responden-responden yang faham apa yang dimaksudkan oleh penulis. Sterilisasi ini boleh dijalankan keatas suami dan juga isteri. Bagi suami, saluran benihnya dibedah dan bagi isteri pula diikat saluran telur. Tetapi dimana penulis menjalankan kajian, dalam komuniti ini tidak terdapat seorang suami pun yang menjalani pembedahan untuk mengikat saluran yang membawa telur kedalam tubuh wanita. Pembedahan ini dilakukan oleh doktor dirumahsakit dan ianya berkesan 100 %. Ini adalah cara langsung merancang keluarga, tetapi kebanyakan isteri-isteri Melayu tidak mahu menjalani pembedahan ini kerana cara memandulkan seseorang adalah dipercayai dilarang oleh agama Islam dan perbuatan ini adalah berdosa. Isteri yang menjalani pembedahan ini menyatakan ia tidak ada cara lain yang sesuai untuk mencegah beranak selain daripada cara ini. Lagipun doktor telah menasihati bahawa ia tidak boleh beranak lagi jika ia mahu kesihatannya tidak terganggu, dengan itu atas persetujuan suami dan saudara maranya, ia telah menjalani pembedahan itu.

Mengenai cara-cara lain yang pernah isteri-isteri yang merancang keluarga ini dengar atau terbaca dimana-mana samaada dimajallah, surat khabar atau pun buku-buku, ialah al-azl atau coitus interruptus, abstinence atau menjauhkan perisetubuhan dan juga cara douching atau menggunakan pancutan air untuk membilas rahim. Dengan ini penulis dapat membuat kesimpulan bahawa pengetahuan tentang cara-cara moden ini sudah menjalar dengan begitu meluas dikalangan setengah-setengah wanita Melayu dalam komuniti Parit Setongkat ini terutamanya dikalangan mereka-mereka yang terpelajar. Bagi mereka-mereka yang mempunyai pelajaran rendah atau buta huruf, pengetahuan ini masih belum begitu jelas kepada mereka. Walau bagaimana pun orang-orang Melayu ini tidak lagi merasa asing apabila mendengar akan metod-metod moden perancang keluarga, malah mereka mahu menerimanya dan adapula yang sudah mencubanya.

Elkharraz (Pustaka Asma Pengkajian, 1970), s. 12.

2. Surah al-Furqan, ayat 1-7, s.f. Ibid, s. 13.

BAB V

ISLAM DAN PERANCANG KELUARGA.

a. Pandangan Islam Secara Am.

Dalam memperkatakan masaalah perancang keluarga dalam komuniti Melayu, pandangan agama Islam juga harus diperhitungkan. Ini memandangkan kepada hakikat bahawa Islam merupakan tenaga yang terkuat dalam mempengaruhi sikap, pandangan dan tingkah laku mereka. Faktor agama juga mempengaruhi sikap mereka terhadap rancangan ini. Jadi disini akan ditinjau dengan secara ringkas pandangan Islam terhadap soal ini.

Agama Islam seperti yang dikatakan bukanlah agama yang semata-mata untuk beribadat sahaja tetapi adalah agama yang menyusun kehidupan umat manusia samaada dari segi rohani mahupun jasmani. Agama Islam bukan sahaja menggalakkan tetapi mewajibkan umatnya berfikir dan menyelidik segala rahsia alam dan kejadian termasuklah kejadian manusia sendiri. Kita boleh mengertinya daripada petunjuk-petunjuk dalam kitab Qur'an sendiri melalui firman-firman Tuhan yang bermaksud,

"Dan di bumi ada beberapa banyak tanda bagi orang-orang yang mau yakin. Dan juga didalam diri-diri kamu itu maka tidaklah kamu perhatikan."¹

Satu lagi firman Tuhan bermaksud,

"Maka cubalah manusia itu melihat daripada apakah yang ianya dijadikan. Ia dijadikan daripada air yang terpancar, yang keluar dari sulbi (lelaki) dan taraib (perempuan). Dari dua sumber ini terpancarlah air yang akhirnya melahirkan anak."²

Berdasarkan firman-firman yang disebutkan tadi maka nyatalah bahawa agama Islam menyuruh kita membicarakan dari hal asal usul kejadian manusia sejak dari dalam rahim ibu lagi. Kemudian mudahlah kita mem-

1. Qur'an, Surah al-Zariyat, ayat 20-21. c.f. Abu Bakar Hamzah, Perancang Keluarga; (Pustaka Aman Press, Malaysia, 1970), m.s. 18.

2. Surah al-Tariq, ayat 5,6,7, c.f. Ibid, m.s. 19.

bicarakan samaada perancang keluarga itu harus diamalkan pada segi hukum Shara' dan Akhlak dan darihal hubungan nyawa manusia dengan aspek ekonomi dan sosial dalam sesabua masyarakat.

Selalunya orang-orang Islam mena'arifkan tujuan perancang keluarga sebagai penyebaran sejenis pengetahuan 'am dikalangan orang ramai, samaada mahu mendapatkan anak atau mahu merancangya menurut cara atau aturan, sehingga kelahiran anak-anak itu tiada berlaku diluar kemahuan dan tanpa persediaan untuk menyambut anak yang baru. Dalam pengetiannya yang sedemikian, tidak ada satu nas yang nyata, malah dikelubungi oleh berbagai bagai anggapan. Sebab itu para penyelidik dahulu dan sekarang berselisihan pendapat mengenainya. Perselisihan ini pada hakikatnya merupakan bentuk rupa perbahasan dan inilah cara bagaimana Islam menetapkan hukum-hukum.

Untuk melihat perancang keluarga dari segi Islam, Kita cuba kaitkan hukum disini dengan kebebasan yang diberi oleh Islam kepada pengikut-pengikutnya menurut batas-batas yang tertentu. Pendapat ini menegaskan bahawa kedua suami isteri yang mempunyai kebebasan penuh untuk merancang bilangan anak yang dikehendaki atau menahannya samasekali selagi kedua-duanya sama-sama rela. Sekiranya kerelaan tiada diadapati, pada salah satu pihak, maka terluputlah kebebasan pihak yang gemar merancangya kerana bertentangan dengan hak pihak yang lain yang tiada mahu merancang nya.

Tetapi apa yang disebutkan bahawa as-Sunnah menggemari memperbiak zuriat itu bukanlah termasuk didalam bahagian wajib yang menyekat kebebasan kedua suami isteri . Kegemaran as-Sunnah itu disambut oleh sesiapa yang mempunyai cukup sebab-sebab untuk menyambutnya dari segi kesihatan dan kemewahan. Sekiranya tiada cukup sebab-sebab itu saperti seorang sakit yang takut anak-anaknya mewarisi bebanan sakitnya, atau seorang miskin yang takut bertambah susah kerana bertambah ramai anak-anaknya, maka kedua suami-isteri mempunyai kebebasan penuh untuk merancang keluarga mereka. Perkara ini terpulanglah kepada kebaikan keduanya, dan semua itu termasuk didalam kebebasan menurut Islam.³

3. Prof.Dr. AHMAD SHALABY, Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam,alihbahasa oleh Muhammada Labib, (Penerbitan Pustaka Nasional, Singapura, 1971), m.s. 98.

Perancang keluarga dengan menggunakan cara al-azl itu iaitu dengan membuang benih suami diluar sudah berlaku sejak zaman nabi kita Muhammad S.A.W lagi. Perbuatan al-Azl ini adalah harus didalam Islam dengan tujuan menjarangkan anak atau kerana takut mendatangkan penyakit kepada anak dan sebagainya. Para ulama telah bersetuju tentang harusnya mengamalkan perancang keluarga, malah disetengah-setengah negara Arab dan Mesir, amalan perancang keluarga ini digalakkan oleh para ulama. Antara alim ulama yang terkenal diseluruh dunia yang menggalakkan amalan perancang keluarga termasuk-lah Almarhum Sheikh Shaltut, bekas Cansellor Universiti Al- Azhar serta Sheikh Mahmud Fahham, Cansellor Universiti Al- Azhar dan ramai lagi para ulama lain.⁴

Orang-orang Islam berpecah dua mengenai al-Azl ini. Pada satu pihak terdapat orang-orang yang menentangnyanya dan pada satu pihak lagi terdapat mereka-mereka yang menyokongnyanya.

Golongan penentang.

Golongan yang menentang perbuatan al-Azl memberikan beberapa alasan diantaranya ialah ramai ulama berkata bahawa segolongan daripada sahabat-sahabat dan Tabi'en berpendapat bahawa perbuatan al-Azl itu makruh. Dikataka juga Imam Abu Hazm berkata bahawa golongan Zahiriah memandang perbuatan itu haram. Mereka ini beralaskan pada hadith Nabi terutamanya hadith yang dilafazkan oleh Nabi ketika menjawab beberapa pertanyaan yang dihadapkan kepadanya mengenai perbuatan al-Azl itu sendiri. Hadith tersebut bererti,

"Apakah kamu melakukan itu, tidak ada jiwa yang sudah ujud sehingga sampai hariqiamat melainkan bersifat hidup".⁵

Ulama Zahiriah tadi memahami aliran hadith itu sebagai suatu bantahan; dan dengan pengertian itu maka perbuatan al-Azl tadi tentulah haram hukumnya.

Abu Sa'ied Al-Khudri menceritakan hadith Nabi Muhammad S.A.W yang berbunyi,

4. Utusan Malaysia, 22 Mac 1974.

5. ABU BAKAR HAMZAH, Perancang Keluarga; (Pustaka Aman Press, Malaysia, 1970) m.s. 20.

"Apakah engkau yang menjadikannya dan yang memberi rezeki kepada nya; biarkan nya ditempatnya kerana itu adalah takdir Allah".

Hadith ini pada zahirnya membawa kepada pengertian menegah perbuatan al-Azl; dan dimengertikan dari hadith itu bahawa Rasul menyuruh bahawa agar benih itu biar masuk menetap ditempatnya kerana itu adalah kehendak Allah dan Allah jualah yang memberi rezeki kepada makhluk Nya. Mereka memahami dari hadith itu suatu arahan dan petunjuk supaya Ummat Muhammad mempunyai banyak anak dan hal ini akan menjadi kebanggaan bagi Rasulullah sendiri dan ini bererti juga bahawa perbuatan al-Azl itu ditegah dalam agama Islam.

Golongan penyokong.

Golongan penyokong kepada perancang keluarga memandang bahawa perbuatan Al-Azl bukanlah ditegah malah perbuatan mencegah mengandung pun bukan ditegah. Mereka berkata bahawa haram atau hatus mestilah berdasarkan firman Tuhan yang tegas atau Sunnah Rasul yang nyata dan tegas. Dalam masalah Al-Azl dan mencegah mengandung tidak pun terdapat firman Tuhan atau Sunnah Rasul yang mengatakan haram dengan tegas. Diantara alasan-alasan mereka ialah perbuatan membunuh anak-anak kecil yang ditegah oleh Tuhan ialah perbuatan menggugurkan bayi yang sudah cukup sifatnya ataupun diakui sudah mempunyai sifatnya sebagai permulaan makhluk manusia. Adapun perbuatan Al-Azl bukanlah sama dengan perbuatan menggugur anak yang sudah bersifat. Menghalang percantuman mani lelaki dengan mani perempuan bukanlah sama dengan menggugur bayi yang terjadi sesudah berlaku percantuman kedua-dua mani itu. Juga dalam kitab Sahib Muslim ada diriwayatkan dari Jabir yang berkata, " Kami pernah melakukan perbuatan Al-Azl dalam zaman Rasulullah ketika mana Qur'an masih turun; lalu sampai kepengetahuan Rasulullah tatapi Baginda tidak melarang kami." Antara tokoh-tokoh ulama yang menyetujui perancang keluarga ini ialah Imam Ghazali. Beliau menegaskan oleh kerana pencegahan beranak ini tidak ada nas dan tidak ada asal yang boleh diqiaskan, maka mencegah beranak adalah harus dan tidak makruh.⁶

6. PROF. DR. AHMAD SHALABY, Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam; alih bahasa oleh Muhammad Labib, (Penerbitan Pustaka Nasional, Singapura, 1971), m.s. 105.

b). Pandangan Mazhab-Mazhab Besar.

Oleh kerana ketiadaan nas Kati'e samaada dari kitab Qur'an maupun dari Sunnah Rasul mengharankan perbuatan al-Azl itu, maka tinjauan keatas pendapat beberapa ulama besar dari empat mazhab besar adalah memberikan penjelasan juga.

a). Mazhab Shafie.

Imam Shirazi mengatakan al-Azl adalah makruh.⁷ Imam Ghazali pula berkata, "Ulama-ulama berselisih pendapat tentang samaada harus atau tidaknya perbuatan al-Azl ataupun ianya makruh dan yang sahih pada sisi kami ialah mubah atau harus.⁸ Adapun niat dari melakukan perbuatan al-Azl itu ada 5 iaitu:-

1. Mengekalkan kejelitaan wanita dan nikmat kewanitaannya.
2. Menjaga nyawanya sebab takut dicerai.
3. Takutkan kepayahan sebab terlalu banyak anak.
4. Takutkan terlanjur kedalam jurang kejahatan.
5. Bimbangkan banyak anak perempuan sebab takut mereka itu akan melakukan perbuatan jahat.

Kelima-lima niat ini adalah ditegah kerana niat saperti ini adalah amat jahat dan sama dengan niat orang-orang Arab zaman Jahiliah dahulu.

b). Mazhab Hanafi.

Ulama-ulama terkenal dalam mazhab Hanafi berkata bahawa perbuatan al-Azl itu adalah harus tetapi ada diantara mereka yang menyebutkan kebenaran syarat; misalnya al-Azl itu harus pada pendapat keseluruhan ulama tetapi ada segolongan ulama yang mengatakan makruh. Imam al-Kasani berkata, "Dan adalah makruh bagi suami melakukan al-Azl terhadap isterinya yang merdeka dengan tidak seizinnya.⁹

7. Imam Shirazi, Al-Mahazzab; Juzu ke-2, c.f. Abu Bakar Hamzah, Perancang Keluarga; (Pustaka Aman Press, Malaysia, 1970), m.s. 25.

8. IMAM GHAZALI, Ehya 'Ulum Al-Din; Juzu ke-2, c.f. Ibid. m.s. 25.

9. IMAM AL-KASANI, Badaie'-Al-Sana'ie; Juzu ke-2, c.f. Ibid, m.s. 26.

c). Mazhab Hanbali.

Ulama-ulama mazhab Hanbali juga berpendapat bahawa perbuatan al-Azl itu hukumnya harus. Umpamanya ada tersebut antara lain diharamkan bersetubuh ketika perempuan dalam keadaan haid, begitu juga melakukan al-Azl terhadap perempuan yang merdeka tanpa izin kecuali dalam negeri Darul Harb, baru itu bukanlah ditegah samasekali.

Imam Qudamah mengatakan perbuatan al-Azl itu makruh tetapi Imam Ibnu Qaiyim mengatakan ianya adalah harus.

d). Mazhab Maliki.

Ulama-ulama mazhab Maliki juga berkata perbuatan al-Azl itu harus, misalnya ada tersebut, "harus melakukan al-Azl kerana mencegah mengandung."¹⁰

Dengan mengemukakan pandangan ulama-ulama yang mu'tabai dari mazhab-mazhab besar seperti Shafie, Hanafi, Hanbali dan Maliki, kebanyakan berkata bahawa al-Azl itu harus hukumnya pada Shara'. Selain daripada al-Azl, cara lain yang sering digunakan oleh orang-orang Islam ialah dengan menutup pintu rahim supaya tidak termasuk kedalamnya mani lelaki dan mengguna ubat samaada pil ataupun sebagainya. Ini ternyata dengan kenyataan yang berbunyi, "bahawa adalah harus bagi perempuan itu menutup pintu rahimnya sebagai mencegah sampainya mani kedalamnya kerana maksud mencegah mengandung."¹¹ Imam Bajrani mengatakan bahawa Islam Menegah menggunakan apa jua yang memberhentikan samasekali mengandung tetapi jika cara-cara itu bertujuan untuk melambatkan mengandung untuk satu tempoh yang tertentu dan tidak memberhentikan samasekali, maka perbuatan itu tidaklah ditegah, malah jika uzur seperti mendidik anak tidak juga dipandang makruh, jika tidak maka makruh. Dengan itu kita dapati, jika sesuatu ubat itu dimakan untuk mencegah mengandung buat sementara sahaja, ianya tidak dilarang oleh agama Islam. Dengan yang demikian jika perancang keluarga diertikan sebagai menjarangkan tempoh untuk mendapat anak, ianya adalah tidak salah disisi hukum Islam.

10. ABU BAKAR HANZAH, Perancang Keluarga; (Pustaka Aman Press, Malaysia, 1970)

m.s. 26.

11. Ibid, m.s. 26.

12. Qudamah, Surah Al-Ma'mun, ayat 13-14, s.f. Ibid, m.s. 23.

c. Islam dan pengguguran.

Islam melarang pengguguran kandungan ibu-ibu ^{yang telah} ~~itu~~ mengandung selama 4 bulan, melainkan kandungan itu boleh mengancam nyawa ibu itu, kerana mengikut Islam selepas 4 bulan mengandung, ruh telah ditiupkan ke dalam bayi itu. Dengan menggugurkan anak yang berumur 4 bulan itu dikatakan sebagai membunuh nyawa. Mengenai kejadian manusia sendiri ada diterangkan dalam firman Tuhan yang bererti,

"Dan sesungguhnya kami telah jadikan manusia dari air yang berasal dari tanah. Kemudian kami jadikannya setitik mani didalam tempat yang terpelihara. Kemudian kami jadikan mani itu sekepal darah, terus kami jadikan darah itu seketul daging, lalu kami jadikan daging itu tulang-tulang, serta kami liputi tulang-tulang itu dengan daging, kemudian kami jadikan suatu kejadian yang lain sifatnya. Maka Maha Suci Allah, sebaik-baiknya Pencipta." ¹²

Imam Ghazali telah melarang perbuatan menggugurkan kandungan selepas terjadinya, tetapi dia menegaskan bahawa kesalahan menggugurkan nya berbeda mengikut perbezaan keadaan; Mengikut Imam Ghazali, mencegah kandungan bukan seperti perbuatan menggugurkannya dan menanam anak hidup-hidup, kerana perbuatan ini ialah suatu kesalahan keatas benda yang wujud dan berlaku. Wujud ini pula mempunyai peringkat. Peringkat wujud yang pertama ialah memasukkan air mani kedalam rahim dan bercampur dengan air perempuan serta bersedia untuk menerima hidup. Merosakkan kejadian ini adalah suatu jenayah. Sekiranya kejadian ini telah menjadi segumpal darah kemudian seketul daging, jenayah itu lebih buruk lagi. Sekiranya pula telah ditiupkan ruh dan kejadiannya telah sempurna, bertambah-tambah buruk jenayah itu. Kemuncak dari keburukan ini ialah selepas dilahirkan dalam keadaan hidup.

Untuk menggalakkan pengguguran sebelum 4 bulan pun adalah berdosa bagi setengah-setengah orang Islam kerana doktor-doktor dan ulama-ulama fiqh bersepakat mengatakan bahawa sebelum ditiupkan ruh, kandungan itu ada mempunyai sejenis nyawa. Air mani itu mempunyai kehidupan dan boleh dilihat melalui taliskop. Bahan yang hidup ini sesudah keluar nya te-

12. Qur'an, surah Al-Mu'minin, ayat 12-14, c.f. Ibid, m.s. 20.

rus cuba berhubung dengan telur-telur halus yang berada didalam rahim perempuan. Didalam telur yang halus ini bermulalah kehidupan yang tersembunyi yang mana menurut kebanyakan ulama-ulama fiqh mempunyai hukum yang sama dengan hukum kehidupan yang nyata, kerana kehidupan yang nyata itu adalah hasil dari kehidupan yang tersembunyi ini.

Dengan itu pengguguran dalam semua peringkat adalah dilarang oleh Islam melainkan ianya bertujuan untuk menyelamatkan nyawa si-ibu yang sedang mengandung itu.

d). Islam dan Sterilisasi.

Mengikut pandangan 'Islamic Research Academy' penggunaan cara-cara yang memuju kearah sterilisasi adalah dilarang penggunaannya oleh kelamin-kelamin yang telah berkahwin atau badan-badan lain. Ianya tidak dilarang oleh 'Muslim Canon Law' kecuali ianya bertujuan untuk menyelamatkan nyawa ibu itu.¹³ Umpamanya apabila pihak doktor menegaskan bahawa hamil itu mengancam nyawa si ibu. Malah sekiranya ibu benar-benar telah dipercayai bahawa pengekalan kandungan itu akan membahayakan si ibu, maka Shari'at Islam dengan kaedah umumnya memerintahkan supaya dilakukan mana satu bahaya yang lebih ringan. Cara sterilisasi ini juga harus ^{kapada} suami isteri itu ^{jika} salah seorang daripada mereka atau kedua-duanya mengidap penyakit jiwa dan ditakuti anak yang bakal dilahirkan nanti mewarisi mereka itu. Selain daripada tujuan-tujuan ini, memandulkan seseorang adalah dilarang oleh Islam.

e) Pendirian Islam.

Berdasarkan huraian-huraian yang diberikan di atas, Islam mempunyai sikap yang positif terhadap perancang keluarga yang bertujuan untuk menangguhkan masa untuk melahirkan anak untuk masa-masa yang sesuai dan bukan untuk menggugurkan kandungan atau memberhentikan daripada mengandung buat selama-lamanya.

Islam membenarkan perancang keluarga tetapi sesiapa diantara orang Islam yang mengamalkan perancang keluarga itu hendaklah timbul

13. Lapuran Persidangan Islam di Rabat, Morocco, 20-30 Disember, 1971.

dari rasa tanggungjawab terhadap keluarganya dan seterusnya. Sekiranya orang Islam masih tetap merasakan bahawa dia mempunyai kemampuan baik dari segi kehendak maupun dari segi rohani, maka merekalah sahaja yang akan menentukan sikap dalam hal ini. Berdasarkan beberapa tinjauan yang dibuat keatas perancang keluarga, beberapa kenyataan mengenainya dapat diperkatakan disini. Perancang keluarga adalah disarankan memandang kepada beberapa hakikat dan kenyataan bahawa dengan cara kerjasama kita boleh mengatasi soal hidup di dunia ini dan perancang keluarga juga adalah dilaksanakan dari kesedaran yang menyeluruh dari setiap bangsa di dunia. Penerimaan ataupun penolakan adalah hak masing-masing dan tidak seharusnya menjadi satu batu penghalang bagi rancangan tersebut. Cara-cara yang digunakan untuk menguruskan beranak atau seumpamanya adalah cara yang difikirkan praktikal buat masa ini. Bagaimanapun tiap-tiap orang berhak untuk memilih cara mana yang disukai dan sesuai baginya dari segi kemampuan tubuh badan ataupun kesihatan. Tetapi apabila orang Islam hendak merancang keluarganya janganlah pula dikaitkan dengan soal menggugurkan anak dari kandungan kerana perbuatan ini adalah bertentangan dengan dasar fitrat Islam sendiri kerana ini dianggap sebagai perbuatan membunuh nyawa.

Orang-orang Islam yang hendak menggunakan alat-alat untuk menjarangkan beranak itu janganlah digunakan tanpa usul periksa ataupun digunakan semata-mata untuk kepuasan jantina atau sekadar mengharuskan perhubungan jantina. Agama Islam tetap berpegang teguh kepada kenyataan bahawa anak-anak adalah merupakan anugerah Tuhan dan tiap-tiap ibubapa bertanggungjawab terhadap kebajikan mereka. Adalah berdosa bagi seseorang ayah mengabaikan tanggungjawab itu. Islam tidak sekali-kali melarang perbuatan menjarangkan beranak kalau difikirkan dengan perbuatan itu akan menjaga kesihatan tubuh badan ibu. Menurut kebiasaannya, orang-orang Melayu percaya bahawa kalau banyak beranak akan mengganggu kesihatan ibu itu. Usaha-usaha menjarangkan beranak itu hendaklah ditimbang dari segi kesihatan bukan semata-mata untuk mencantikan diri ibu.

Agama Islam juga adalah suatu agama yang mempunyai sikap yang positif terhadap kemajuan ekonomi dari pembangunan negara. Menurut ahli-ahli ulama Mesir seperti Sheikh Khaled Mohammad Khaled dalam tahun 1950, "There is no hope of improving the standard of living so long as birth-rate is increasing, allowing a not annual addition of about 400,000 when society

is not ready to receive them and is incapable of meeting their basic. Islam permits birth control in the interest of society and for the welfare of the individual".¹⁴ Seorang lagi ulama Mesir yang bernama Sheikh al-Bahri al-Khaili pada tahun 1953 menerangkan bahawa Islam mencegah kehamilan atas syarat kehamilan yang terjadi mengancam kesihatan seorang wanita yang bersangkutan, atau kehamilan tidak serasi atas bertentangan dengan dasar-dasar watak atau jenis pekerjaan isteri itu dan juga atas syarat kehamilan itu merupakan beban yang berat keatas suami-isteri itu kerana jumlah anak yang sudah dipunyai sudah melampaui batas kemampuan-nya.

Abdul Rami Mahmud menerangkan hukum al-Azl itu adalah suatu hal yang diharuskan dengan syarat ianya tidak boleh dilakukan dengan sewenang-wenang, atas persetujuan suami-isteri yang harus bersifat sukarela dan tidak boleh dilakukan dengan maksud agar tidak mempunyai anak samasekali.¹⁵

f). Pendirian Agama-Agama Lain.

Selain dari Agama Islam, agama Katholik juga membenarkan memakai alat pencegah kehamilan cara 'oginoknaus-smulders' atau penghentian perisetubuhan berkala. Ajaran gereja Katholik mengenai mengurangkan jumlah kelahiran ialah dengan menundakan perkahwinan iaitu janganlah berkahwin dalam tahun-tahun yang produktif (dalam lingkungan umur 17-25 tahun). Satu lagi cara ialah dengan meluangkan waktu didalam perkahwinan iaitu tidak melakukan perisetubuhan dalam jangka waktu yang panjang dan juga cara masa selamat.¹⁶

Dalam agama Kristian aliran Protestant tidak ada pernyataan yang secara jelas menentang hal perancang keluarga. Pembatasan kelahiranpun tidak bertentangan dengan filsafat ajaran Budha bahkan sesuai dengan pandangan sosial dan etika almarhum Mahatma Ghandi. Tindakannya adalah semata mata berdasarkan kepada 'self-control' atau cara 'abstinentia'.¹⁷

14. DR. A. SENO-SASTROAMIDJOJO, Pembatasan kelahiran Dan Lain-Lain Hal Yang Ada Sangkut Pant Dengan Masalah Itu; (Pertjetakan Republik Indonesia, Jogjakarta, 1959), m.s. 43-44.

15. Ibid m.s. 45

16. Ibid m.s. 47

17. Ibid m.s. 50

g). Perancang Keluarga Dalam Negera-Negera Islam.

Hari ini banyak negara-negara Islam telah mengambil ketentuan berhubung dengan rancangan keluarga. Diantara negara-negara itu termasuk lah Mesir, Turkey, Pakistan, Maghribi, Tunisia, Malaysia dan lain-lain negara. Republik Arab Mesir telah memulakan rancangan keluarga sejak tahun 1953 apakala pada ketika itu kerajaan tersebut telah membubuhkan sebuah jawatankuasa bagi menyelidik soal tersebut. Pakistan juga telah memulakan rancangan keluarga dalam tahun yang sama.

DiMalaysia dan begitu juga diIndonesia rancangan keluarga ini dilaksanakan berasingan dengan rancangan kemajuan pemerintah. Misalnya Lembaga Perancang Keluarga Malaysia telah ditubuhkan dalam tahun 1956. Persatuan Rancangan Keluarga terus giat didalam kawasan-kawasan desa khususnya dan kebanyakannya adalah menjalankan kegiatan dengan secara sukarela.

Disamping menyedari hakikat bahawa tidak semua orang akan menyokong rancangan tersebut masih banyak lagi pihak-pihak yang terang-terang menentang konsepnya, misalnya, seorang ulama Pakistan iaitu Abdul Ala Manduli masih lagi berpegang kepada kenyataan bahawa usaha merancang keluarga ini adalah merupakan warisan yang dibawa oleh penjajah yang sekarang ini berusaha untuk menakutkan umat manusia. Dengan jalan ini mereka dapat menindas rakyat dunia dengan memberi alasan-alasan yang ringan seperti soal tidak cukup makanan dan lain-lain.

Oleh kerana Islam adalah agama fitrah, persoalan ini adalah terserah kepada setiap Muslim yang tentunya akan membuat keputusan sama ada menerima atau menolak setelah mengkaji dengan teliti dan membuat pertimbangan yang wajar.

BAB VI

PENUTUP.

A.(i).Taraf Kemajuan Perancang Keluarga Setakat Ini.

Disini penulis memumpukan perhatian kepada bidang penerangan Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan. Bahagian penerangan, selain dari menjalankan tugas-tugasnya, telah mendapat sokongan dari kerajaan dan lain lain badan untuk menyebarkan pengetahuan perancang keluarga kepada orang ramai. Semua saluran-saluran penerangan yang ada sekarang ini telah digunakan dengan sepenohnya dan berjaya, bolehlah dikatakan semua kementerian kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan telah mengetahui perjalanan Lembaga ini.

Rancangan penerangan atau menghebahkan dalam tahun 1970 telah dipesatkan dikawasan-kawasan luar bandar. Aktiviti-aktiviti penerangan telah dipesatkan juga di Rancangan-rancangan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan dan estet-estet.

(ii).Aktiviti-Aktiviti.

Laporan dan butir-butir yang dikumpulkan oleh bahagian ini menunjukkan lebih kurang 183,722 orang telah terus dapat dihubungi melalui ceramah-ceramah dan pertunjukan wayang gambar. Dalam tahun yang sama sebanyak 58 buah pamiran telah diadakan dengan kerjasama kementerian-kementerian kesihatan pelajaran, dan lain-lain jabatan. Melalui saluran-saluran tersebut, bahagian ini telah dapat bertemu dengan 119,218 orang lagi.¹

Maka dengan ini nyatalah bahawa kebanyakan penduduk-penduduk takut kepada akibat-akibat dan salah faham menggunakan alat-alat dan ubat-ubat mencegah hamil. Perbualan dan perjumpaan yang tidak resmi selalu diadakan khasnya untuk menerangkan dan menghapuskan ketakutan-ketakutan seperti ini. Dalam tahun 1970 ini juga, pegawai-pegawai penerangan telah memberi ceramah diatas perkembangan penduduk dan akibatnya dari segi ekonomi dan kesihatan dalam kemajuan negara pada keseluruhannya.

1. Laporan Tahunan Lembaga Perancang Keluarga Kebangsaan, 1970.

(iii). Akhbar, Radio/T.V.

Penerangan-penerangan berkenaan dengan perancang keluarga telah bertambah disebarikan melalui saluran radio. Perkhidmatan Penyiaran Luar Bandar Radio Malaysia khasnya boleh dikatakan telah menyiarkan tiap-tiap hari satu rancangan berkenaan dengan perancang keluarga dan kebajikannya. Perkhidmatan-perkhidmatan lain seperti perkhidmatan Inggeris, Cina dan India telah juga memberi publisiti yang memuaskan. T.V Malaysia juga memberi masa yang cukup untuk rancangan forum dan temuramah.

Akhbar-akhbar tempatan telah juga memberi sokongan dengan mengeluarkan berita aktiviti Lembaga Kementerian Penerangan dan unit-unit bergerakinya sekarang bergiat membantu pegawai-pegawai penerangan ini diseluruh negara, dan tidak tertinggal memasukkan perancang keluarga sebagai salah satu tajuk dalam kursus tata-rakyat dan Kursus Gerakan Maju yang di adakan.

Memandangkan begitu pesatnya perkembangan aktiviti rancangan Perancang Keluarga Di Malaysia Barat pada hari ini, perancang keluarga ini sudah menjadi buah mulut orang-orang dewasa. Ini adalah satu janda yang baik bahawa pada masa -masa yang akan datang, perancang keluarga ini dapat diterima oleh semua orang.

B. Rumusan.

Penulis ingin mengingatkan pembaca bahawa rumusan-rumusan yang didapati dalam kajian ini adalah didasarkan kepada sebuah komuniti Melayu yang kecil sahaja iaitu Komuniti Parit Setongkat, Muar, Johor dan bukannya berdasarkan kepada seluruh negeri. Dengan itu ianya tidak menggambarkan sikap seluruh rakyat Malaysia Barat terhadapnya perancang keluarga secara moden tetapi merupakan sikap sebilangan kecil rakyat negara ini. Dengan itu ianya tidak dapat mewakili seluruh orang Melayu.

Dari apa yang telah dikemukakan, beberapa rumusan dapat dibuat. Pertama, rumusan bahawa seperti juga bangsa-bangsa lain didunia ini, bangsa Melayu juga tahu cara-cara bagaimana untuk mencegah kehamilan. Mereka juga ada mempunyai niat untuk mengatur bilangan anak-anak yang dikehendaki. Orang-orang Melayu ini sejak nenek-moyang mereka lagi telah mengamalkan beberapa cara samaada cara magis atau cuma kepercayaan sahaja,

dengan tujuan untuk mencegah kehamilan. Cara-cara yang digunakan oleh orang-orang Melayu tradisional ini tidak boleh dikatakan saintifik tetapi lebih tepat jika dikatakan magis atau kepercayaan kerana kebanyakan dari pada cara-cara tradisional itu memerlukan jampi-jampi dan sebagainya. Dengan ini, penulis dapati sebelum perancang keluarga secara moden diperkenalkan kepada orang-orang Melayu, mereka ini bukanlah begitu jahil tentang cara-cara mencegah kehamilan. Tujuan orang-orang Melayu tradisional ini mengamalkan cara-cara tertentu adalah selaras dengan tujuan orang-orang Melayu moden mengamalkan perancang keluarga iaitu untuk merancang keluarga mereka seimbang dengan kesihatan ibu, taraf ekonomi rumah tangga dan sebagainya.

Sungguhpun orang-orang Melayu tradisional ini mengamalkan perancang keluarga, tetapi mereka tidak menyebarkan pengetahuan itu dengan meluas sebagaimana yang terdapat pada hari ini yang menyebarkan pengetahuan tentang perancang keluarga melalui alat-alat sebaran am, ceramah dan forum serta tayangan gambar. Dalam masyarakat tradisional orang-orang Melayu, pengetahuan tentang cara-cara perancang keluarga itu di-monopoli oleh beberapa orang sahaja dan siapa-siapa yang inginkan pengetahuan itu mestilah mempelajarinya dari orang-orang yang tahu. Inilah perbezaan besar yang terdapat dalam bagaimana perancang keluarga itu dipraktikkan dalam masyarakat Melayu tradisional dan moden.

Antara cara-cara tradisional yang digunakan oleh orang-orang Melayu, penulis dapati cara memakan ubat-ubat Melayu adalah cara yang paling digemari ramai sehinggakan pada hari ini masih terdapat ibu-ibu yang memakannya. Cara-cara ini disukai ramai adalah kerana cara-cara ini mudah didapati dan mudah pula menggunakannya.

Rumusan kedua ialah, setakat ini, hampir separuh dari isteri-isteri yang merancang keluarga dalam komuniti ini menggunakan cara-cara moden. Tetapi orang-orang yang menjadi penerima ini kebanyakannya terdiri daripada mereka-mereka yang terpelajar dan mereka-mereka yang sudah mempunyai ramai anak. Faktor-faktor yang menentukan samaada seseorang ibu itu mahu mengamalkan perancang keluarga atau tidak adalah faktor ekonomi, taraf pelajaran yang diperolehi oleh suami-isteri itu dan juga faktor sosial. Ibu-ibu yang pendapatan bulanan suaminya kecil dan mempunyai

taraf pelajaran yang rendah merupakan isteri-isteri yang masih belum lagi mengamalkan perancang keluarga. Keadaan ini diburuki lagi dengan adanya kepercayaan bahawa mempunyai anak-anak yang ramai itu adalah baik kerana anak-anak ini dapat menolong mereka pada hari tua nanti.

Bagi penerima-penerima perancang keluarga secara moden, penulis dapati cara yang paling digemari ramai ialah cara memakan pil penjarang beranak. Malah bagi isteri-isteri yang tidak merancang keluarga pun pernah mendengar akan cara ini. Bagi cara-cara moden yang lain, tidak begitu meluas penggunaannya dikalangan isteri-isteri dalam komuniti Parit Setongkat ini.

Dengan adanya hampir setengah daripada penerima-penerima perancang keluarga ini menerima cara-cara moden, ini menunjukkan bahawa orang-orang Melayu dalam komuniti ini tidaklah begitu menentang keras atas kemasyarakatan element baru dalam komuniti itu. Ini adalah disebabkan nilai-nilai orang dalam komuniti ini sudah dipengaruhi dengan nilai-nilai masyarakat bandar kerana letaknya komuniti ini adalah hampir dengan bandar. Bagi mereka yang enggan merancang keluarga mereka atau masih tetap mengamalkan cara-cara tradisional adalah mereka yang masih kuat berpegang kepada adat resam orang-orang Melayu dan sikap mereka masih belum berubah.

Kebanyakan orang-orang Melayu ini setuju dengan cara-cara moden yang tidak melanggar batas norma-norma Kebudayaan Melayu dan Islam. Cara-cara seperti pil, masa selamat dan sarung getah tidak mendapat tentangan yang hebat dari orang-orang Melayu kecuali seorang dua yang masih enggan menerima sebarang cara baru. Orang-orang yang enggan menerima sebarang cara baru ini terdiri daripada orang-orang tua. Bagi orang-orang muda, mereka menunjukkan sikap yang positif terhadap cara-cara moden ini. Bagi cara-cara sterilisasi, pengguguran dan IUD, kebanyakan orang-orang Melayu tidak menyetujuinya dan ini adalah kerana cara-cara ini dilarang oleh agama Islam, kecuali atas sebab untuk memelihara nyawa ibu itu. Jadi untuk mengamalkan cara sterilisasi dan pengguguran secara sewenang-wenang tidak digemari oleh orang-orang Melayu dalam komuniti ini. Orang-orang tua yang membantah keras atas penyebaran pengetahuan cara-cara moden ini kedalam masyarakat kampung adalah bidan-bidan kampung, kerana perlakuan seperti ini akan mengurangkan pengaruh mereka dalam masyarakat Melayu kampung.

Bidan kampung yang ada dalam komuniti Parit Setongkat ini semasa ditemu-bual masih bersikap negatif terhadap perancang keluarga secara moden dan masih menjalankan kerja-kerjanya dengan menjual ubat-ubat Melayu dan sebagainya. Dalam beberapa hal, masih ada lagi seorang dua isteri-isteri dalam komuniti Parit Setongkat ini yang enggan menerima cara-cara moden, semasa melahirkan anak telah memanggil bidan kampung ini. Sehingga bila keadaan ini akan berterusan, tidak dapat dipastikan.

Akhirnya penulis dapati pandangan agama Islam terhadap perancang keluarga juga ada berbagai-bagai. Setengah ulama' menyatakan haram sementara setengah ulama' lagi menyatakan harus hukumnya. Jalan tengah yang diambil oleh orang-orang Islam ialah sekiranya satu-satu cara itu bertujuan untuk menanggukkan kehamilan pada suatu masa yang sesuai ini adalah harus hukumnya. Sekiranya cara itu bertujuan untuk memandulkan seseorang, maka hukumnya adalah haram. Dengan adanya persetujuan ini, orang-orang dapat menentukan apakah cara-cara yang harus mereka amalkan dan apakah cara-cara yang harus mereka elakkan. Dengan yang demikian seorang Islam dapat hidup dengan aman dan tanpa berperasaan curiga terhadap dosa.

c). Kelemahan Kajian Ini.

Sapertimana yang disebutkan terlebih awal, kajian ini tidak meliputi seluruh negara, ianya hanya dijalankan disebuah komuniti Melayu yang termasuk dalam mukim bandar Muar yang tidak mungkin dapat mewakili gambaran keadaan diseluruh negara.

Disamping itu, kelemahan kajian ini juga disebabkan oleh kelemahan kelemahan metodologi yang digunakan. Kajian ini tidak dapat membuat rumusan-rumusan yang boleh diambil sebagai suatu yang mu'tamat.

Sekiranya, rumusan-rumusan yang lebih 'representative' hendak diperolehi dalam kajian-kajian mengenai perancang keluarga selanjutnya, penulis menasihatkan supaya penyelidikan dijalankan dalam kawasan yang lebih luas dan mendapatkan data-data yang lebih besar.

d). Cadangan-Cadangan.

Pemulis harap dengan kajian ini walaupun mempunyai kelemahan dari beberapa aspek, penulis dapat memberikan gambaran tentang bagaimana kah 'perception' orang-orang Melayu mengenai perancang keluarga. Mereka

A(1)

juga tidak ketinggalan dengan cara-cara mereka sendiri dalam mengambil tindakan untuk merancang keluarga mereka. Dengan itu, penulis harap, badan badan perancang keluarga yang ingin meluaskan perancang keluarga cara moden ini kedaerah-daerah luar-bandar, mestilah fikirkan bahawa sungguhpun cara-cara tradisional yang diamalkan oleh orang-orang Melayu itu selalu nya tidak saintifik tetapi mempunyai nilai-nilai kebudayaan mereka sendiri. Dengan itu mereka tidak harus terlalu memburuk-burukkan cara-cara tradisional itu kerana orang-orang Melayu didesa-desa itu dibesarkan dengan cara-cara yang berlainan dan dalam orientasi kebudayaan yang berlainan. Kakitangan kakitangan badan-badan perancang keluarga mesti ingat bahawa setengah setengah amalan itu mempunyai nilai-nilai yang positif dalam kehidupan orang Melayu ini. Cara yang paling elok yang harus diusahakan ialah dengan menggabungkan kedua-dua cara tradisional dan moden ini sebagai satu pengetahuan kebudayaan mengenai menjarangkan dan mengawal kelahiran.

Dalam komuniti Melayu Parit Setongkat ini, penulis dapati, masih ramai lagi isteri-isteri yang baru mempunyai anak anantara 3-4 orang masih belum lagi mengamalkan perancang keluarga. Mereka-mereka ini menganggap perancang keluarga itu hanya perlu setelah mereka mempunyai anak yang ramai. Dengan itu badan-badan perancang keluarga harus memperluaskan lagi kegiatan-kegiatan mereka untuk menemui orang-orang dalam golongan ini dan memberi penjelasan tentang pentingnya merancang keluarga mereka semasa mereka masih belum mempunyai anak yang lebih daripada selepasnya. Penulis rasa penerangan yang lebih jelas adalah perlu diberikan kepada orang ramai mengenai perancang keluarga ini terutamanya kepada orang-orang yang tidak mempunyai pelajaran dan tinggal didesa-desa pula. Dengan adanya penerangan yang jelas, salah faham orang ramai tentang perancang keluarga dapat dihapuskan dan dengan itu angka penerima dan pengamal akan bertambah. Petunjuk:

===== Jalan raya SEKIAN.
 ===== Jalan tanah merah

The map illustrates the Segamat district, which is divided into several administrative areas. To the north is the Segamat district, to the west is Malacca, and to the south is the Straits of Malacca. The district is bounded by the Segamat River to the east and the Malacca River to the south. The map shows the following divisions: Tangkak, Bukit Serampang, Bukit Kepong, Langa, Serom, G. Sek, Jorak, Ayer Hitam, and Batu Pahat. The district headquarters, Segamat, is located in the center. The map also shows the location of the district's main port, Segamat, and the district's main road, the Segamat Road. A scale bar indicates 3 miles to an inch, and a north arrow is present in the top right corner.

Jalan raya.

Jalan tanah merah.

BANDAR MAHARANI

[illegible]

Jalan raya .
Jalan tanah merah .

- ① Kampung Parit Setongkat,
tempat kajian.

LAMPIRAN B.

Dibawah ini ada beberapa soalan. Anda boleh mengisi jawapan-jawapannya ditempat-tempat yang disediakan dalam borang ini. Bagi setengah-setengah soalan anda cuma dikehendaki menandakan () kepada mana-mana jawapan yang sesuai.

B (i): Set-set soalan untuk isteri-isteri yang layak.

1. Nama..... 2. Umur
3. Pekerjaan anda..... 4. Pekerjaan suami anda.....
.....
5. Pendapatan bulanan suami anda
a). \$100 - \$199
b). \$200 - \$299
c). \$300 - \$399
d). \$400 keatas.
6. Taraf pelajaran yang diperolehi:-
a). Tidak bersekolah
b). Sekolah rendah
c). Sekolah menengah
d). Kolej/universiti.
7. Berapakah jumlah anak yang hidup dalam keluarga anda?.....
8. Adakah anda merancang keluarga anda? (a). Ya (b). Tidak
9. Berapakah saiz keluarga yang ideal bagi anda?.....
10. Adakah anda mahukan anak lagi selepas ini? (a). Ya (b). Tidak
a). Kalau ya, kenapa?.....
b). Kalau tidak, kenapa?.....
11. Jika anda merancang keluarga anda, cara apakah yang anda gunakan?
a). Cara moden. (b) Cara tradisional.
a). Jika cara moden, metod apakah yang anda gunakan?
i. Pil v. Kondom
ii. IUD vi. Bahan kimia
iii. Masa selamat vii. Lapik rahim
iv. Sterilisasi viii. Lain-lain

b). Jika cara tradisional,metod apakah yang anda gunakan?

.....

12. Apakah pendapat anda dengan metod-metod dibawah:-

- a). Pil.....
- b). Sarung getah (kondom).....
- c). Alat dalam rahim (IUD).....
- d). Masa selamat.....
- e). Bahan kimia.....
- f). Sterilisasi.....
- g). Lapik rahim (diaphragm).....

13. Adakah agama Islam membenarkan rancangan perancang keluarga?

(a). Ya

(b). Tidak

- a). Kalau ya, kenapa?.....
- b). Kalau tidak, kenapa?.....

14. Sebelum menggunakan cara-cara saintifik, adakah anda pernah menggunakan cara-cara lain iaitu cara-cara tradisional?.....

15. Adakah suami anda setuju dengan rancangan perancang keluarga ini?

.....

16. Daripada siapakah anda dapat keterangan mengenai perancang keluarga dan cara-cara bagaimana hendak menggunakannya?

- a).Kelinik perancang keluarga.
- b).Saudara mara.
- c).Ibu.
- d).Doktor persendirian
- e).Rakan-rakan
- f).Alat-alat sebaran 'an.

B. (ii):Set-set soalan untuk bidan kampung, orang-orang tua dan orang-orang yang bijak dalam hal perancang keluarga.

1. Adakah orang-orang Melayu pada masa dahulu tahu bagaimana hendak menghadkan saiz keluarga mereka?.....

2. Adakah cara-cara yang mereka gunakan sama dengan cara-cara moden yang terdapat pada hari ini?.....

.....

3. Bolehkah anda terangkan apakah cara-cara tradisional yang digunakan oleh orang-orang Melayu dahulu?

.....

4.a. Siapakah biasanya menolong ibu-ibu yang tidak mahu mengandung ini akan cara-cara bagaimana hendak melaksanakannya?

.....

b. Bilakah cara-cara ini dilakukan?.....

.....

5. Adakah anda setuju dengan cara-cara moden yang terdapat pada hari ini? (a). Ya (b). Tidak

a). Kalau ya, kenapa?.....

b). Kalau tidak, Kenapa?.....

B. (iii): Set-set soalan untuk jururawat-jururawat dikelinik perancang keluarga.

1. Semasa saya menjalankan temubual dengan orang-orang komuniti Parit Setongkat, saya dapati ramai ibu di komuniti ini terbahagi kepada 3 bahagian:-

a). Tidak pernah mencuba perancang keluarga moden.

b). Pernah mencuba tetapi berhenti kemudiannya.

c). Cuba dan terus menggunakannya.

Apakah sebab-sebabnya terjadi begini?.....

.....

.....

2. Apakah faktor-faktor yang menyebabkan penerimaan perancang keluarga moden ini tidak menyeluruh kepada semua orang?

.....

.....

3. Apakah cara moden yang paling digemari ramai?.....

.....

4. Apakah antara sungutan-sungutan yang dibuat oleh penerima-penerima ini kantas cara yang mereka gunakan?.....

.....

.....

5. Apakah tindakan yang telah diambil oleh pihak anda untuk memberi kesedaran kepada orang-orang diluar bandar tentang kepentingan merancang keluarga?

.....
 2.

3. AHMED HIALAT, PROF. DR.
 1971

Redesign Social Policy Framework Indonesia
 which oleh Mohamed Lally, Population Coun-
 cil National, Singapore.

4. PETER, PETER
 1963

The Birth Controller, London, Doctor &
 Nursing Ltd.

5. FREEDMAN, RONALD AND
 TAKESHITA JOHN L.
 1969

Family Planning in Indonesia, an experiment
 in Social Change, Princeton University
 Press, Princeton, New Jersey.

6. FLAVIER, JUAN L.

'Communication in rural family planning'
International Family Planning Conference
Indonesia, distributed by Information sec-
 tion of Federation of Family Planning Asso-
 ciations, Malaysia.

7. HINES, MORRIS L.
 1956

United States of Indonesia, Baltimore,
 The Williams & Williams Company.

8. JOHNSON, LARA F.
 1973

Cultural Change in Relation to A Sustained
 Growth: High Family Planning Programme
International Planned Parenthood Federation
South East Asia and Oceania Region Monograph
No. 2, published by The Regional and Inter-
 view Department IPPF-SEAOR, Kuala Lumpur,
 Malaysia, .

9. LEE, MARGIE
 1963

'Malaysia and Singapore' (shortly to be pub-
 lished) dalam International Conference on
 Family Planning Programmes, Geneva.

10. 1971

Indonesia Malaysia tahun 1971-1972 diotak
 diotak oleh kerajaan oleh M.H. dan M.H.
 dan M.H., Pustaka Nasional, Malaysia.

RUJUKAN

1. A. SENO-SASTROAMIDJOJO, DR. Pembatasan Kelahiran Dan Lain-Lain Hal Yang Ada Sangkut Paut Dengan Masalah Itu; 1959
Pertjetakan Republik Indonesia, Jokjakarta,
2. ABU BAKAR HANZAH, Perancang Keluarga; 1970
Kelantan, Malaysia.
3. AHMAD SHALABY, PROF. DR. Kehidupan Sosial Dalam Pemikiran Islam; 1971
bahasa oleh Muhammad Labib, Penorbitan Pustaka Nasional, Singapura.
4. FRYER, PETER The Birth Controller; 1965
London, Secker & Warburg Ltd.
5. FREEDMAN, RONALD AND TAKESHITA JOHN Y. Family Planning In Taiwan; An experiment in Social Change; 1969
Princeton University Press, Princeton, New Jersey.
6. FLAVIER, JUAN H. Communications in rural family planning;
International Family Planning Conference Indonesia, distributed by information section of Federation of Family Planning Associations, Malaysia.
7. HINES, NORMAN E. Medical History of Contraception; 1936
Baltimore, The Williams & Williams Company.
8. JOCANO, LANDA F. Cultural Changes in Relation to A Sustained Country- Wide Family Planning Programme; 1972
International Planned Parenthood Federation South East Asia and Oceania Region Monograph No. 2. published by The Regional and Education Department IPPF-SEAOR, Kuala Lumpur, Malaysia,.
9. LIN, MAGGIE 'Malaysia and Singapore'; 1965
Kertaskerja dibentangkan dalam International Conference On Family Planning Programmes, Geneva.
10. Rancangan Malaysia Kedua, 1971-1975; 1971
dijabatan cetak kerajaan oleh Mohd. Daud bin Abdul Rahman, Pencetak kerajaan, Malaysia.

11. STERN, H.H.
1960
Parent Education ; an international survey, The University of Hull with the UNESCO institute for Education, Hamburg.
12. SITI HASMAN BT. HJ.
MOHD. ALI
1971
'Reports of the Islamic Conference in Rabat, Morocco, 26-30 Desember'; Federation of Family Planning Associations, Malaysia.
13. 1974
The Straits Times, (4 June).
14. 1974
Utusan Kiblat, bilangan 42, (Jumari).
15. 1974
Utusan Malaysia, (22 Mac).
16. WOOLF, MYRA
1971
Family Intentions, an enquiry undertaken for the General Register Office, London, Her Majesty's Stationery Office.
17. 1974
Wanita, bilangan 56, (Mac).